

Bil. 15

**Isnin
21 April 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1): Tindakan Ke Atas Pelajar Yang Menunjuk Perasaan Terhadap Pemain Kriket Israel. <i>- Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)</i>	(Ruangan 13)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997.	(Ruangan 15)
Rang Undang-Undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997.	(Ruangan 24)
Rang Undang-Undang Bank Simpanan Nasional Berhad 1997.	(Ruangan 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 21 April 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A
[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PELAJAR EDAR DADAH - PENGLIBATAN
SINDIKET

1. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kemungkinan terdapat sindiket yang mendalangi pelajar-pelajar sekolah untuk melibatkan diri dengan perbuatan mengedar dadah ataupun pelajar-pelajar itu sendiri yang menjerumuskan diri mereka. Sehingga kini apakah reaksi ibu bapa bagi anak-anak mereka yang telah ditangkap baru-baru ini setelah terlibat dengan perbuatan mengedar dadah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak menerima maklumat atau pengesahan daripada mana-mana pihak yang menunjukkan bukti terdapatnya sindiket yang sengaja mempengaruhi pelajar supaya terlibat dengan dadah.

Kementerian Pendidikan juga mendapati bahawa semua pelajar yang dikesan mengambil dadah melakukannya secara tidak terancang, dipengaruhi kawan, ingin mencuba atau ingin tahu. Dalam kejadian baru-baru ini, pelajar-pelajar terbabit telah dibuktikan tidak terlibat dalam pengambilan atau pendedaran dadah.

Walau bagaimanapun, pihak ibu bapa pelajar terlibat mengambil maklum atas perkara tersebut, serta memastikan kejadian ini tidak akan berulang.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk mengelakkan supaya kejadian menyorokkan ganja dan dadah yang lain supaya tidak berulang lagi di sekolah dan langkah supaya murid-murid tidak dieksploitasi untuk dijadikan pengedar bahan dadah ini di sekolah dan juga di luar sekolah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diarahkan oleh

Kementerian Pendidikan kepada semua sekolah-sekolah menengah termasuklah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Antara langkah-langkah untuk jangka masa pendek ialah:-

- (i) mengadakan sesi bimbingan dan kaunseling, peribadi, sosial dan sebagainya untuk pelajar-pelajar;
- (ii) mengadakan kaunseling rakan sebaya;
- (iii) mengadakan program motivasi;
- (iv) mengadakan Kem Jayadiri.

Dan antara langkah-langkah jangka masa panjang ialah:-

- (i) menerapkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum;
- (ii) melibatkan pelajar-pelajar dalam kegiatan kokurikulum dan sebagainya.

Untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar di sekolah tidak akan dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu, Kementerian Pendidikan juga mengarahkan semua pengetua sekolah-sekolah menengah supaya mengetatkan keadaan keselamatan di sekolah-sekolah khususnya menentukan bahawa pagar-pagar sekolah itu sentiasa diperbaiki dan mengadakan sesi dialog dengan ibu bapa dan institusi masyarakat tempatan supaya sekolah tersebut dapatlah dihormati dan dianggap sebagai sebuah institusi sosial oleh masyarakat tempatan dan supaya institusi itu tidak akan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini dalam surat khabar ada terdapat kes tentang 63 kilogram ganja disembunyi di atas siling di sebuah sekolah. Walau bagaimanapun, guru besar diberitahu ada kawalan ketat di kawasan sekolah.

Saya ingin tahu, adakah pemeriksaan air kencing dibuat dari masa ke semasa bagi murid-murid yang disyaki mengambil dadah dan apakah jenis hukuman yang diberi terhadap penagih dadah yang lepas lari dari pusat serenti.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang pengetua sekolah berkenaan sentiasa mengadakan atau melaksanakan langkah-langkah untuk menjaga keadaan sekolah tersebut supaya pelajar-pelajar tidak dipengaruhi.

Namun demikian, oleh kerana sekolah itu diletakkan di bawah sebuah bukit, jadi, senang sahaja

sekolah itu dimasuki oleh pihak-pihak luar pada waktu malam dan sebagainya.

Namun demikian, sekolah tersebut telah mengadakan satu pasukan keselamatan untuk menjaga sekolah tersebut 24 jam sehari supaya keadaan yang telah dilaporkan itu tidak akan diulangi lagi.

Pihak sekolah juga mengadakan ujian air kencing terhadap pelajar-pelajar yang dianggap boleh dipengaruhi oleh pihak-pihak luar dari masa ke semasa. Misalnya pada tahun 1996 lebih kurang 150 orang pelajar telah dipaksa untuk mengadakan ujian tersebut dan semuanya menunjukkan negatif. Jadi, ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar tersebut tidak terbabit.

Langkah-langkah seperti ini akan terus diadakan supaya bukan sahaja kita akan menjaga keadaan keselamatan malahan kita juga akan menentukan bahawa pelajar-pelajar kita tidak akan melibatkan diri mereka dalam kegiatan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang.

Tuan Hoo Seong Chang: Selamat Sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Soalan No. 3. Terima kasih. *[Ketawa]*

STATUS PUSAT PEROLEHAN ANTARABANGSA (IPC) - KRITERIA YANG DITETAPKAN

3. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian untuk syarikat di negara kita memohon status Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC);
- (b) sehingga ini berapa syarikat telah berjaya memohon status ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:-

(a) Syarikat-syarikat yang mempunyai rangkaian yang luas dan kukuh di dalam dan di luar Malaysia dari segi aset dan kakitangan profesional, teknikal dan sokongan adalah digalakkan memohon mendapatkan status Pusat Perolehan Antarabangsa atau International Procurement Centre (IPC), dengan izin.

Kriteria yang ditetapkan bagi syarikat yang memohon untuk status IPC adalah:-

- (i) diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar tidak kurang daripada RM0.5 juta;
- (ii) perbelanjaan operasi tahunan tidak kurang daripada RM1.5 juta;
- (iii) jumlah pusingan perniagaan tahunan (annual business turnover), dengan izin, tidak kurang daripada RM100 juta;
- (iv) barangan dikendalikan secara terus melalui lapangan terbang dan pelabuhan di Malaysia.

Syarikat-syarikat yang diluluskan status IPC akan menikmati insentif yang disediakan seperti:-

- (i) bilangan jawatan pegawai dagangan berdasarkan keperluan;
 - (ii) membuka akaun matawang asing bagi mendepositkan pendapatan eksport tanpa had;
 - (iii) berurusan dalam kontrak pertukaran hadapan matawang asing;
 - (iv) dikecualikan dari syarat ekuiti perdagangan borong dan runcit; dan
 - (v) diberikan membawa masuk bahan mentah, komponen dan barang siapan tanpa cukai kastam ke dalam kawasan zon bebas dan gudang pengilangan berlesen.
- (b) Oleh kerana skim ini baru diumumkan, setakat ini hanya 4 buah syarikat sahaja telah membuat permohonan untuk mendapatkan status IPC dan permohonan tersebut sedang dalam pertimbangan kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh[Jelutong] tidak hadir]

**LEVI PERUMAHAN DAN PREMIS
PEJABAT - KADAR YANG LEBIH TINGGI
TERHADAP PEMBELI LUAR**

5. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa adakah pihak kementerian bercadang mengenakan levi perumahan dan premis pejabat yang lebih tinggi terhadap pembeli-pembeli dari luar negara, serta mengadakan sekatan-sekatan tertentu dalam urusan pembelian rumah kediaman dan premis pejabat di negara ini, memandangkan kemampuan dan kuasa beli yang cukup tinggi di kalangan pembeli-pembeli luar sehingga menafikan hak-hak pembeli tempatan untuk memiliki rumah kediaman dan premis perniagaan sendiri berdasarkan harga pasaran masa kini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengawal spekulasi hartanah, levi ke atas hartanah sebanyak RM100,000 telah dikenakan ke atas pihak asing bagi pembelian rumah kediaman dan tanah kosong untuk pembinaan rumah kediaman. Memandangkan levi ini baru sahaja diperkenalkan seperti diumumkan dalam Belanjawan 1996, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar levi tersebut.

Selain dari levi, di antara sekatan-sekatan lain yang dikenakan ke atas pembeli rumah oleh warganegara asing ialah pembelian dihadkan bagi rumah-rumah yang berharga RM25,000 dan ke atas. Kepentingan asing tidak dibenarkan membeli bangunan kediaman rumah teres dua tingkat ke bawah, rumah kos rendah dan kos sederhana, rumah pangsa kos rendah dan sederhana, rumah di tanah rizab Melayu dan rumah-rumah yang disyaratkan dijual kepada bumiputera.

Selain dari itu, kepentingan individu asing tidak dibenarkan memiliki lebih daripada satu unit kediaman. Kepentingan asing juga dikenakan syarat-syarat supaya tidak menjual semula rumah tersebut dalam tempoh tiga tahun daripada kelulusan diberi.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kementerian menjelaskan kesan pengumuman Bank Negara baru-baru ini terhadap kadar beli pembeli-pembeli dari luar negara serta kesan beli pembeli-

pembeli tempatan dan kesannya secara langsung kepada kadar harga kediaman dan premis pejabat tempatan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi kita untuk membuat perincian berkenaan dengan pengumuman yang dibuat oleh Bank Negara, oleh kerana pengumuman itu baru sahaja dibuat.

Walau bagaimanapun, saya merasakan bahawa untuk hartanah di beberapa kawasan seperti Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga Pulau Pinang, kesannya amat sedikit sekali oleh kerana permintaan di kawasan ini begitu tinggi.

Bagaimanapun, mungkin ada kesan terhadap rumah-rumah kondo ataupun rumah-rumah flat. Tetapi, bagi rumah-rumah yang lain, saya merasakan bahawa kesannya amat sedikit memandangkan permintaan yang begitu tinggi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ditakdirkanlah berlaku market glut, dengan izin, atau jika harga rumah jatuh atau permintaan berkurangan sebagaimana yang berlaku di sebuah negara jiran, adakah syarat dan sekatan-sekatan pemilikan hartanah ini akan dilonggarkan atau adakah jalan-jalan tertentu kalau berlaku keadaan ini bagi menentukan pasaran hartanah di negara kita dapat dipertahankan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan tadi pasaran hartanah setakat ini di negara kita begitu baik sekali dan saya sukar untuk mengandaikan bahawa pasaran ini akan jatuh dan apa yang akan dilakukan oleh kementerian ataupun kerajaan pada masa itu. Yang kita harapkan supaya pasaran ini tetap kukuh. Bagaimanapun, sebagaimana yang kita sedia maklum, yang menjadi glut sekarang ini ialah bangunan pejabat dan juga kondo dan saya merasakan bahawa ini bukanlah rumah-rumah yang boleh dimiliki oleh mereka yang berpendapatan sederhana rendah ataupun berpendapatan rendah. Oleh itu, kita mengharapkan bahawa dengan adanya tindakan yang dibuat oleh Bank Negara ini, pasaran hartanah di negara kita ini akan menjadi lebih baik dan lebih kepada keadaan pasaran sebenarnya, kerana pada satu ketika dahulu pasaran hartanah di negara kita ini dianggap terlalu tinggi berbanding dengan keadaan sebenarnya. Bagaimanapun, saya yakin kalau apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berlaku, kerajaan akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah yang tersebut.

BAS DI IBU KOTA - KEKURANGAN PERKHIDMATAN

6. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan masalah yang dihadapi oleh pengguna pengangkutan bas di ibu kota seperti kekurangan dan kelambatan perjalanan yang menyebabkan ramai pengguna terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan bas bagi perjalanan setempat yang menggunakan dua bas. Ini berlainan semasa bas mini beroperasi kerana perjalanan bas mini lebih kerap menyebabkan masa menunggu bagi pengguna tidak begitu lama. Kekurangan bas juga menyebabkan bas Intrakota sesak terutama waktu puncak, tidak sebagaimana diiklankan yang menunjukkan ia lebih selesa.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan penyusunan semula sistem pengangkutan di Ibu Kota Kuala Lumpur, kerajaan telah menghentikan 424 buah bas mini pada 1hb. Januari yang lalu. Ini digantikan dengan 418 buah bas Intrakota Consolidated Bhd. (ICB). Proses penyusunan semula ini telah menimbulkan beberapa masalah dan kesukaran kepada penumpang-penumpang. Pada jangkaan kementerian, masalah-masalah ini adalah merupakan masalah-masalah transisi yang melibatkan perubahan budaya menaiki bas yang memerlukan penumpang-penumpang beratur dan berdisiplin. Ia juga melibatkan penyusunan semula laluan-laluan bas mini yang telah dihentikan.

Bilangan bas juga telah ditambah daripada 418 buah pada 1hb. Januari yang lalu kepada 531 buah pada 31hb. Mac yang lalu. Penambahan bas ini akan dibuat secara berterusan mengikut permintaan dan dijangka pada akhir tahun ini 1,000 buah bas Intrakota akan beroperasi di jalan raya di ibu kota.

Perkhidmatan bas untuk kakitangan kerajaan di pejabat Jalan Duta, di Pusat Bandar Damansara, Wisma Tani, Bukit Aman dan Angkasapuri juga telah dipulihkan oleh Intrakota dan Park May. Tindakan pihak Bandaraya untuk mengadakan lorong bas juga telah memulihkan keadaan.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa lebih banyak bas akan berada di jalan raya di ibu kota, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus kesopanan, ketertiban dan sebagainya kepada pemandu-pemandu dan juga pembantunya

agar mereka dapat menjalankan kegiatan mereka yang lebih sopan dan lebih disiplin di jalan raya dan akan memberi kepuasan kepada pengguna?

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Arau. Memang cadangan itu telah diambil kira oleh kementerian. Buat pada masa ini kementerian sedang mengadakan kursus kepada pemandu-pemandu teksi dahulu, selepas ini, insya-Allah, kita akan juga mengadakan kursus lanjutan kepada pemandu-pemandu bas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saban hari sekarang ini kita terbaca keluhan pengguna-pengguna bas Intrakota yang mengatakan bahawa pihak operator bas berkenaan enggan memulangkan duit tukaran 10 sen. Saya tahu pihak Kabinet pun telah mengarahkan supaya perkara ini diatasi dengan segera. Tetapi, adakah perkara ini telah dilaksanakan oleh pihak operator bas Intrakota?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bekalan pemandu-pemandu - adalah seolah-olah terhad. Jadi, apabila bas mini diketepikan ataupun dikesampingkan, maka pemandu-pemandu bas mini ini juga yang akan pergi ke Intrakota. Jadi, mereka membawa mentaliti mereka yang tidak berubah. Sebab itu tadi dipertanyakan oleh Yang Berhormat dari Arau sama ada akan diadakan kursus pengubahsuaian mentaliti pihak pemandu ini? Kalau tidak, mereka akan membawa budaya dan mentaliti mereka yang sama samsengnya dengan mentaliti pemandu-pemandu bas mini. Diharap perkara ini dapat disegerakan.

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong juga. Untuk pengetahuan, kementerian telah memanggil Intrakota dan bukan hanya Intrakota, tetapi juga Park May yang terlibat dengan masalah 10 sen ini. Mereka juga telah memberi kepastian kepada kementerian untuk memulangkan wang ini secepat mungkin dengan mencari kaedah-kaedah cara pemulangan itu dapat dilaksanakan.

Tentang pemandu-pemandu bas mini ini, sebenarnya tapisan telah dibuat. Hanya mereka yang berkelayakan sahaja diserapkan sama ada untuk memandu bas-bas Intrakota ataupun bas Park May. Yang terlalu tidak baik itu tidak akan diserapkan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kursus latihan dijalankan oleh kedua-dua syarikat ini dari masa ke semasa.

IBU BEKERJA SETENGAH HARI - KAJIAN

7. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kementerian sanggup membuat kajian kemungkinan membenarkan ibu-ibu yang bekerja hanya berkhidmat setengah hari sahaja bagi membolehkan mereka bersama-sama anak sebagai langkah positif menunaikan tanggungjawab membesarkan anak dengan sempurna supaya tidak menjadi masalah sosial kelak.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sudah membuat perancangan ke arah menggalakkan sistem waktu kerja anjal (flexi-time) di sektor swasta. Melalui sistem waktu kerja anjal ini ianya bukan sahaja membenarkan ibu-ibu yang bekerja menyesuaikan waktu kerja masing-masing untuk membolehkan mereka bersama-sama anak malah boleh menarik lebih ramai tenaga buruh tempatan khususnya suri-suri rumah untuk keluar bekerja.

Pada masa sekarang waktu kerja anjal seperti kerja separa masa dan sambilan adalah dibenarkan oleh undang-undang buruh dan ada majikan di sektor swasta mengamalkannya. Namun ianya tidak diamalkan secara meluas, malah kurang diminati oleh para majikan kerana undang-undang buruh berkehendakkan majikan memberi faedah dan kemudahan yang sama seperti yang dinikmati oleh pekerja penuh masa kepada pekerja separa masa atau sambilan.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi memantapkan sistem waktu kerja anjal ini dengan mewujudkan mekanisme kawalan yang secukupnya ke atas pelaksanaannya nanti. Kementerian Sumber Manusia berasa yakin pindaan itu nanti akan mendorong para majikan supaya meminati sistem waktu kerja anjal dan memanfaatkan sepenuhnya sistem tersebut tanpa kerugian kepada mana-mana pihak. Dalam pada itu, sistem tersebut juga boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan untuk lebih ramai tenaga kerja tempatan memasuki pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor awam pula, sistem waktu kerja anjal yang dipanggil sistem Waktu Bekerja Berperingkat sudah pun dilaksanakan di lima buah agensi kerajaan secara percubaan. Melalui sistem tersebut, seseorang anggota boleh memilih satu daripada enam set waktu kerja yang ditetapkan. Paling lewat seseorang anggota boleh

mula bekerja ialah pada jam 10.15 pagi, manakala paling awal seseorang anggota tamat bekerja ialah pada jam 3.45 petang. Sistem Waktu Bekerja Berperingkat ini akan diperluaskan kepada lebih banyak agensi kerajaan dan juga di seluruh Malaysia apabila didapati ianya berkesan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apakah kemajuan atau kejayaan yang dicapai oleh kerajaan dalam usahanya meminta majikan membina nursery di kilang-kilang atau di pejabat? Dan apakah sebabnya skim seperti ini tidak disambut hangat oleh majikan buat sementara waktu ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah dapat sedikit kemajuan dalam usaha itu tetapi kemajuannya memang tidak memuaskan. Salah satu sebabnya adalah kerana mereka terpaksa menghadapi peraturan-peraturan birokratik yang meluas. Oleh sebab itu, kita sudah pun berusaha untuk mempermudah kaedah itu dan sedikit sebanyak ia telah pun mendapat sambutan yang lebih memuaskan. Usaha akan diteruskan untuk menjayakan rancangan tersebut.

WARGA ASING TANPA IZIN DI SABAH - DASAR

8. **Dato' Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah dasar mengenai warga asing tanpa izin berlainan di antara Semenanjung dan Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, dasar mengenai pendatang tanpa izin di Sabah agak berlainan dengan dasar di Semenanjung kerana keadaan geografi dan sosio-ekonomi di Sabah adalah berbeza daripada Semenanjung. Di samping itu, Akta Imigresen 1959/63 menetapkan sebarang pindaan atau pengecualian terhadap peraturan-peraturan Imigresen di negeri Sabah perlu mendapat persetujuan pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah terlebih dahulu.

TALIAN 600 - PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

9. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) bilangan syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan Talian 600 dan apakah jenis perkhidmatan yang ditawarkan; dan

- (b) apakah mekanisme kawalan bagi memastikan talian ini tidak disalahgunakan dan sehingga kini adakah laporan aduan diterima dari orang ramai tentang talian tersebut berhubung penyalahgunaannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini terdapat 6 syarikat yang dilesenkan untuk menjalankan Perkhidmatan 600 dan perkhidmatan yang boleh dijalankan adalah seperti berbentuk:-
- (i) maklumat seperti berita, pelancongan, pasaran saham dan sebagainya;
 - (ii) peraduan seperti Telecontest, Movie Contest dan sebagainya;
 - (iii) hiburan seperti Album Review, Telekawan, Horoskop dan sebagainya.
- (b) Semua pengusaha adalah dikehendaki memperolehi lesen perkhidmatan tambah nilai daripada kerajaan terlebih dahulu sebelum memulakan perniagaannya. Syarat-syarat yang ditetapkan di dalam lesen tersebut termasuklah bagi memastikan tiada unsur-unsur lucah disiarkan. Selain dari itu, pengusaha-pengusaha yang telah dilesenkan dikehendaki juga mematuhi panduan-panduan yang terdapat di dalam Telecommunication Regulatory Framework For The 600 Services, dengan izin. Sehingga kini tiada aduan yang diterima daripada orang ramai berhubung penyalahgunaannya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita kempen berjimat-cermat, berbelanja dengan bermanfaat tetapi ternyata dalam akhbar-akhbar ada iklan-iklan kadang-kadang digunakan telefon untuk berbicara dengan penyanyi-penyanyi dan artis-artis. Ini semua digunakan tape, bukan artis itu yang bercakap. Jadi, kadang-kadang bila ibu bapa tiada di rumah, anak-anak ini menggunakan kemudahan-kemudahan telefon ini dan ini akan membebankan keluarga. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk hendak kaji semula supaya perkara-perkara yang membazir ini, perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat akan dapat kita sekat di samping kita menghalang gejala-gejala sosial, walaupun tadi Yang Berhormat mengatakan tidak ada unsur seks tetapi bila ada rangkaian Setiakawan ataupun hendak mengenal antara satu

sama lain, dia mula dengan seks melalui telefon, kemudian dia berakhir di tempat-tempat yang tertentu. Jadi, adakah pihak kementerian sekat jangan bermula, lagi pun pada pandangan saya ini adalah pembaziran. Jadi, adakah bersetuju dan adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan telekomunikasi ini adalah merupakan satu perkhidmatan yang borderless. Kalau sekiranya kita mengharamkan semua perkhidmatan ini dalam negara pun, rakyat Malaysia boleh memperolehi perkhidmatan yang sama dari luar negeri. Bayarannya lebih mahal, maka kementerian berpendapat bahawa ibu bapa memang memainkan peranan yang penting untuk membimbing anak-anak mereka dan selain daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan, perkhidmatan 600 ini juga memberikan maklumat yang memang sangat berfaedah kepada rakyat dalam kehidupan harian mereka.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengenai perkhidmatan 600 ini memang dibekalkan oleh syarikat tempatan dan saya tertarik dengan jawapan tambahan tadi menyatakan bahawa kita boleh dapat perkhidmatan seperti ini yang dibekalkan oleh syarikat luar negeri oleh rakyat Malaysia dan saya ingin tahu sama ada ia berunsur lucah. Misalnya, kalau ya, apakah tindakan kerajaan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah mengenai unsur lucah ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak negara ataupun syarikat asing dari negara lain membekalkan perkhidmatan ini kepada seluruh dunia termasuk Malaysia dan untuk memahami masalah ini saya sendiri telah cuba beberapa kali untuk memanggil perkhidmatan ini dan saya sendiri dapati bahawa memang ada unsur lucah. Ada, live bukan rekod! Live tetapi pihak kerajaan tidak boleh buat apa-apa kerana ini dibekalkan oleh syarikat asing. Apa yang kita boleh buat, kalau sekiranya iklannya diiklankan dalam surat khabar kita akan memutuskan ataupun membatalkan talian yang diiklankan ini. Selain daripada itu, bila kita menerima aduan daripada orang awam, kita akan mengambil tindakan dengan serta merta untuk memutuskan talian ataupun nombor yang diiklankan ini. Tetapi, kalau sekiranya kita memutuskan ataupun membatalkan satu nombor,

dia boleh pakai satu nombor yang lain dengan senang sahaja kerana telekomunikasi merupakan borderless.

Tetapi, saya hendak memberikan nasihat kepada ibu bapa sekalian supaya mereka memainkan peranan yang penting untuk membimbing anak-anak mereka supaya menjauhi unsur-unsur yang tidak sihat ini.

KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA - MASALAH DIHADAPI

10. **Dr. Haji Yusof Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengenai dengan bilangan kemalangan di tempat kerja yang meningkat di negara ini:

- (a) apakah masalah yang dihadapi sehingga bilangan kemalangan ini meningkat; dan
- (b) apakah akta yang ada sekarang ini mencukupi dan apakah langkah diambil oleh kerajaan untuk memastikan kejadian di tempat kerja seperti di tempat pembinaan bangunan dan perkayuan dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Insiden kemalangan di tempat kerja yang telah dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menurun daripada 121,593 kes pada tahun 1993 kepada 91,413 kes dalam tahun 1996, iaitu penurunan sebanyak 24.82 peratus. Perangkaan bagi tahun-tahun 1993 sehingga 1996 adalah seperti berikut iaitu angka yang menunjukkan penurunan sepanjang masa:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Kemalangan Dilaporkan</u>
1993	121,593
1994	109,447
1995	99,413
1996	91,737

iaitu penurunan sepanjang tahun.

- (b) Kementerian berpendapat undang-undang mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada masa sekarang adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, undang-

undang tersebut, khususnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 akan dikaji dari masa ke semasa supaya mampu menangani perkara-perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seiring dengan perkembangan industri di dalam dan juga di luar negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kejadian kemalangan industri di tempat kerja seperti di tapak pembinaan bangunan dan perkayuan, Kementerian Sumber Manusia telah mempertingkatkan lagi program-program penguatkuasaan. Menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, kementerian ini telah melancarkan operasi gerakan pemeriksaan besar-besaran bermula di Lembah Klang bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak-tapak binaan mematuhi kehendak undang-undang agar insiden kemalangan dapat dikurangkan. Operasi sedemikian akan dijalankan secara berterusan dan akan dilancarkan juga di bandar-bandar yang lain yang sedang mengalami pembinaan bangunan-bangunan yang pesat. Pada masa yang sama, program-program memberi kesedaran, galakan dan publisiti mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan turut dipergiatkan untuk seluruh Malaysia.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dari segi berlakunya kemalangan kita dapati bahawa angkanya menurun, ini adalah satu response yang baik daripada pekerja itu sendiri. Saya meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah pula response daripada majikan - yang kemalangan bukan majikan, yang kemalangan ialah pekerja dan jika pekerja itu merupakan pekerja Malaysia, ia mendapat pampasan daripada PERKESO. Bagaimana pula dari segi pampasan jika kemalangan itu terjadi kepada pekerja asing?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah response dari majikan pun menggalakkan kerana kita memang ada mengadakan kursus, seminar dan sebagainya. Kita ada pemeriksaan dan kita juga ada pelbagai usaha lain untuk menyedarkan majikan dan bagi pampasan kepada pekerja bukan warganegara, kita ada apa yang dikatakan workman compensation insurance.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah penurunan kes-kes kemalangan di tempat kerja ini juga menggambarkan bahawa majikan-majikan kita tidak

lagi mengambil pekerja-pekerja asing oleh kerana seperti yang kita tahu bahawa banyak kemalangan pekerja-pekerja asing dahulunya direkodkan tetapi ada juga banyak kes-kes yang tidak direkod dan dilaporkan. Apakah juga ini menggambarkan bahawa cuma pekerja-pekerja tempatan sahaja yang dilaporkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang negara kita memberi perlindungan kepada semua pekerja tidak kira sama ada dia itu rakyat negara kita ataupun orang lain asalkan mereka datang dengan cara sah. *[Diam sebentar]* Itu sahajalah yang saya hendak jawab, apa lagi? *[Ketawa]* Terima kasih.

PENANAMAN BUAH-BUAHAN - HASIL KAJIAN

11. **Tuan Abdul Aziz Yassin [Muar]** minta Menteri Pertanian menyatakan hasil kajian dari segi mutu, produktiviti dan daya simpanan (*keeping quality*) yang dibuat oleh MARDI tentang buah-buahan tempatan dan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penanaman buah-buahan tersebut untuk pasaran dalam negara dan untuk dieksport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, MARDI telah menjalankan penyelidikan buah-buahan sejak Dasar Pertanian Negara dilancarkan pada tahun 1984. Tumpuan penyelidikan telah diberi kepada pembaikan kualiti buah, penghasilan klon yang rintang terhadap penyakit, pengeluaran anak benih bermutu tinggi, kaedah pengawalan perosak yang berkesan dan penyelidikan bagi memanjangkan hayat buah untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Pihak MARDI telah berjaya menghasilkan beberapa klon buah-buahan yang bermutu tinggi seperti nanas Johor I (tahun 1985), nanas Josapine (tahun 1996) klon betik Eksotika Malaysia (tahun 1987), Eksotika II (tahun 1991), klon durian MDUR 78 dan MDUR 79 (tahun 1991) dan MDUR 88 (tahun 1992). Di samping mengisytiharkan klon tempatan MARDI juga telah menilai beberapa variety buah-buahan baik seperti tembikai (Crimson Sweet Intercross), dengan izin, pisang (Cavandish), duku langsung J35, jambu batu JP2 dan mangga (Mangga Masmuda dan Chokanan).

Penyelidikan lepastuai pula telah dapat mengenalpasti teknologi pengendalian pisang untuk dieksport ke Timur Tengah dan ke Eropah dengan kapal laut, manakala kaedah pembungkusan

atmosfera terubahsuai telah membolehkan buah belimbing dieksport dengan kapal laut ke Eropah tanpa menjejaskan kualiti buah. Rawatan air panas beracun pula dapat mengurangkan kejadian penyakit "anthracnose" kepada buah betik dan seterusnya memanjangkan hayat penyimpanannya.

Sebagai usaha untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menanam buah-buahan yang berkualiti, MARDI telah mengeluarkan biji dan anak benih yang tulen dan bermutu tinggi. Di samping itu MARDI melaksanakan kursus-kursus tertentu seperti kawalan serangga perosak dan penyakit, cara mencantas yang sempurna, pengurusan pengairan buah-buahan, pengurusan sistem mutu buah-buahan segar untuk eksport dan kursus penanaman buah-buahan. MARDI juga telah memberi khidmat nasihat kepada ladang dan pengusaha-pengusaha persendirian.

Selain daripada itu, MARDI telah giat menjalankan penyelidikan bersama dengan syarikat-syarikat dan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri seperti Golden Hope, Johor Tropical Product, Lee Pineapple, United Plantation, Vita Tenggara, FAMA, FELDA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Perbadanan Khidmat Pertanian Felda. Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, di Jelebu ada satu pusat penyelidikan buah-buahan MARDI. Kita lihat kualiti buah-buahan yang dihasilkan tidak begitu baik dan keadaan penyeliaan ladang-ladang oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak begitu memuaskan. Apakah tindakan pihak MARDI dan kementerian kepada syarikat-syarikat yang gagal menyelia dan mengusahakan tanah-tanah yang telah dikontrakkan kepada mereka dan adakah kajian terlebih dahulu dibuat untuk sesuatu jenis tanaman buah-buahan itu dibuat ke atas tanah yang ada di kawasan Jelebu itu. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Jelebu itu memanglah terdapat stesen MARDI, pihak kementerian dan juga MARDI akan bertindak sekiranya kontraktor yang berkenaan tidak menepati kontrak yang telah ditandatangani. Selain dari itu, pihak kementerian atau MARDI juga sedang meneliti ataupun dari segi penyelarasan tanah sama ada jenis tanah berkenaan dapat ditanamkan pokok-pokok yang berkaitan walaupun itu tidak mendatangkan hasil kita tanam ikut kesesuaian tanah tersebut. Kalau tanah itu tanah gambut, misalnya,

kita usahakan buah-buahan yang sesuai untuk tanah gambut. Terima kasih.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahap pencapaian industrial pemprosesan buah-buahan khususnya dalam tin adalah jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan pencapaian negara jiran seperti Thai, apakah sebabnya dan apakah langkah yang konkrit akan diambil oleh kementerian untuk membangunkan sektor ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang dalam tindakan kementerian, sebab itulah kita telah menubuhkan satu badan atau kompeni yang dinamakan "MARDITECH" supaya dapat kita memberi penumpuan khas kepada penghasilan kepada MARDI ini. Walau bagaimanapun, kita sedang menggalakkan pihak swasta untuk mengambil bahagian dalam semua yang telah dilakukan oleh MARDI tetapi jika sekiranya tidak dilakukan, mungkinlah kita akan meminta "MARDITECH" untuk meneruskan usaha itu. Terima kasih.

BIL TELEFON BIMBIT - LANGKAH KERAJAAN

12. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa bil-bil telefon bimbit dan talian biasa diputarbelitkan oleh setengah-setengah orang yang tidak bertanggungjawab. Umpamanya, panggilan-panggilan ke luar negeri dibilkan bersama sedangkan pengguna tidak membuat panggilan itu. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil berhubung dengan perkara tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memang sedar bahawa bil-bil panggilan diputarbelitkan oleh sesetengah orang yang tidak bertanggungjawab untuk mengelakkan kejadian tersebut semua pengusaha komunikasi telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan kemudahan-kemudahan yang menaikkan taraf dari segi sistem keselamatan seperti ATUR safe dan penggunaan ID;
- (ii) menubuhkan bahagian pengurusan fraud masing-masing yang bertanggungjawab untuk merangka satu sistem keselamatan bagi rangkaian komunikasi;

(iii) mengadakan sistem kawalan maklumat khususnya untuk mengelakkan subscription fraud, dengan izin;

(iv) kerjasama dengan pihak polis untuk membanteras jenayah penyalahgunaan seperti clonning, dengan izin.

Kementerian memang akan mengkaji semula Akta Telekomunikasi dengan tujuan memudahkan proses tindakan mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di antara jenayah-jenayah seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat, setengah-setengahnya dikatakan dilakukan oleh orang-orang dalaman syarikat-syarikat pengusaha tersebut. Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana masalah dalaman seperti ini adalah susah untuk dikesan, tetapi memang diketahui umum berlaku dengan begitu meluas dan lazim sekali. Juga memandangkan bahawa apabila panggilan dibuat oleh pelanggan-pelanggan, adakah pihak Timbalan Menteri juga sedar bahawa di antara masalah utama ialah kekurangan kawasan perkhidmatan (service line)? Sungguhpun pengusaha-pengusaha menawarkan membuat panggilan ke luar negeri, tetapi tidak dapat berbuat demikian, oleh sebab itu mengapakah pihak kerajaan enggan memansuhkan bayaran perkhidmatan sebanyak RM60 kerana ia memang satu beban yang sangat besar kepada pengguna-pengguna dan merupakan satu bentuk keuntungan kepada pengusaha-pengusaha yang saya rasa tidak bermoral dan tidak beretika.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang cuma dua, tiga kes telah dikesan yang melibatkan jenayah mengenai 'fraud' dan 'clonning' telah pun dikenalpasti adalah dilakukan oleh orang dalaman - dua, tiga kes sahaja dan mereka telah pun dikenakan tindakan tatatertib.

Mengenai mutu perkhidmatan yang dibekalkan oleh pengusaha telekomunikasi, pihak kerajaan memang sedar bahawa baru-baru ini ada beberapa masalah yang sering disuarakan oleh pihak umum dan pihak kementerian memang mengambil berat tentang perkara ini dan kita telah pun memberikan arahan kepada semua pengusaha telekomunikasi mempertingkatkan equipment mereka supaya dapat membekalkan perkhidmatan yang lebih berkesan. Kalau sekiranya mereka tidak ada rancangan untuk mempertingkatkan prasarana telekomunikasi mereka, pihak kementerian mungkin akan

mengarahkan supaya mereka berhenti untuk menambahkan customer based mereka. Ini merupakan satu langkah yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan.

Satu langkah yang lain ialah baru-baru ini pihak kementerian melalui Jabatan Telekomunikasi Malaysia telah pun menjalankan satu kajian tentang mutu perkhidmatan yang dibekalkan oleh semua pengusaha telekomunikasi dan kita akan mengeluarkan satu intacts mengenai service quality masing-masing. Ini akan merupakan satu bantuan kepada orang ramai supaya memilih syarikat yang memberikan service yang memuaskan sahaja dan kita akan mengeluarkan ini tidak lama lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya rasional di sebalik tindakan syarikat-syarikat telefon bimbit. Saya adalah salah seorang mangsa 'clonning' di mana dalam dua minggu bil telefon saya naik RM3,600. Apabila saya laporkan kepada Celcom - Celcom secara sukarela menanggung bayaran itu dan tidak menggalakkan saya membawa perkara ini kepada polis. Jadi, apakah rasional di sebalik ini. Adakah ini berkait dengan soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, bermakna ada 'internal rigging' dalam hal ini? Dalam konteks ini juga, saya hendak bertanya berapa banyakkah jumlah kerugian syarikat-syarikat telefon bimbit akibat daripada 'clonning', penipuan dan juga pencurian line yang telah pun dialami oleh syarikat-syarikat di Malaysia setakat ini, kerana nampaknya perbuatan ini adalah perbuatan yang terus-menerus dan nampaknya kurang diatasi secara berkesan oleh pihak yang menjadi mangsa?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka mengenai kerugian yang dihadapi oleh pihak syarikat telekomunikasi akibat 'clonning' dan 'fraud' yang dilakukan oleh mereka yang berkenaan. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat, tetapi angkanya memang besar.

Mengenai rasional Syarikat Celcom di atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dinasihatkan tidak melaporkan kepada polis, saya kurang faham latar belakangnya, tetapi saya akan menyiasat perkara ini.

BORANG PERMOHONAN MEMASUKI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN- MENGAMBIL ALIH HAK PENGAGIHAN

13. Tuan Lim Si Cheng [Senai] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian berhasrat mengarah pihak sekolah mengambilalih

hak pengagihan borang permohonan memasuki universiti-universiti tempatan, memandangkan terdapat kumpulan-kumpulan tertentu yang mengambil kesempatan kelonggaran syarat pengambilan borang berkenaan di pejabat-pejabat pos dan menjualnya dengan harga RM18 per set sedangkan harga sebenarnya hanya RM10 per set. Jika tidak, apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah berkenaan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang mencetak borang permohonan kemasukan ke universiti tempatan di sekolah. Ini memandangkan tugas tersebut merupakan satu kerja rumit yang melibatkan maklumat terperinci mengenai kursus dan syarat kemasukan mengikut bidang pengajian tertentu. Percetakan juga melibatkan penyediaan buku panduan, borang OMR, borang data dan folder. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk pihak sekolah melaksanakan tugas tersebut memandangkan penyelarasan dari pusat dan perincian yang tepat amat diperlukan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji cara-cara terbaik untuk mengatasi masalah pengagihan borang-borang permohonan kemasukan ke universiti-universiti tempatan seperti memudahkan pihak awam untuk membeli borang tersebut melalui pos.

Tuan Lim Si Cheng: Soalan tambahan. Apakah pandangan kementerian Yang Berhormat terhadap cadangan mencetak borang kemasukan universiti ini di akhbar-akhbar tempatan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi, proses jualan borang ini bukan sahaja melibatkan 'menjual' sahaja, tetapi melibatkan penyediaan buku panduan, borang data, folder dan juga memerlukan bahawa pegawai yang menjual borang itu kena memastikan tentang keperluan pelajar itu sama ada dia mengikuti kursus pra-ijazah, selepas ijazah dan sebagainya, dengan itu susahlah kita menjual borang itu melalui surat khabar. Namun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan supaya kita boleh menggunakan cara tersebut untuk memudahkan dan memperluaskan cara penjualan borang itu.

Tuan Jimmy Lim: Tuan Yang di-Pertua, kalau kedua-dua cadangan yang baik itu tidak dapat diterima, jadi apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menentukan murid-murid yang tinggal di pedalaman terutama di Sabah dan

Sarawak dapat diberi borang itu. Oleh kerana saya adalah bekas pengetua di sekolah pedalaman, jadi apabila murid saya menempah borang mereka terpaksa menghantar wang pos dan selalu jawapan yang diterima oleh mereka, "borang itu sudah tidak ada" ataupun "tarikh tutup itu sudah berakhir". Jadi, mereka tidak layak lagi untuk memohon, oleh itu apakah tindakan yang akan diberi kepada murid-murid yang tinggal di luar bandar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan, masalah borang kemasukan ke universiti itu bukan sahaja bilangan borang yang dapat dijual, tetapi juga melibatkan sedikit nasihat dan sebagainya. Untuk pelajar-pelajar di luar bandar dan di kawasan-kawasan pedalaman, kita akan memudahkan proses supaya membolehkan mereka mendapat borang tersebut melalui pos, bukan melalui pejabat pos supaya apabila mereka menghantar sepucuk surat ke Kementerian Pendidikan kita akan menghantar balik borang tersebut kepada alamatnya supaya dia boleh dapat borang itu.

Untuk permohonan dari pelajar-pelajar di luar bandar dan di kawasan-kawasan pedalaman, kalau mereka ada alasan-alasan yang munasabah, kita akan memberi satu tempoh lanjutan untuk membolehkan mereka membuat permohonan kemasukan ke universiti.

SISTEM WAKTU KERJA BERPERINGKAT - KESAN POSITIF

14. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai Perkhidmatan Awam yang telah melancarkan sistem waktu kerja berperingkat mulai awal tahun 1997 ini. Berapakah jabatan yang melaksanakan sistem ini dan adakah ianya melibatkan peringkat negeri. Sejauh mana kesan positif yang diperolehi hasil awal pelaksanaan sistem ini

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, 5 jabatan kerajaan telah melaksanakan Sistem Waktu Bekerja Berperingkat seperti berikut:

- * Jabatan Imigresen Malaysia
- * Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja
- * Jabatan Pendaftaran Negara
- * Jabatan Pengangkutan Jalan
- * Jabatan Perkhidmatan Awam

Perlaksanaan Sistem WBB dijalankan sebagai projek perintis di kawasan Lembah Klang sahaja

dan tidak melibatkan peringkat negeri. Setakat ini sambutan yang diterima adalah baik. Pihak CUEPACS umpamanya telah meminta supaya Sistem WBB diperluaskan ke seluruh negara. Namun keberkesanan sistem ini hanya akan dapat diketahui setelah kajian penilaian atas projek perintis ini dijalankan pada pertengahan tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

[Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] tidak hadir]

BANDAR KUALA PILAH KE BANDAR SEREMBAN - MEMBAIKPULIH JALAN

16. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah kerja-kerja membaikpulih jalan yang menghubungi bandar Kuala Pilah ke Bandar Seremban yang mana ianya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat akan dimulakan serta meluruskan jalan lebih kurang 8 kilometer yang bengkok-bengkok di Bukit Putus; dan
- (b) berapa banyakkah peruntukan kewangan yang telah dibuat untuk membiayai projek tersebut mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh yang sedang berjalan sekarang ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja-kerja membaikpulih jalan yang menghubungkan Bandar Kuala Pilah ke Bandar Seremban akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Kerja-kerja membaiki bahagian jalan dari Batu 0.8 ke Batu 5.8 telah pun disiapkan pada akhir tahun 1993, manakala kerja-kerja baikpulih di bahagian jalan dari Batu 5.8 hingga Batu 13 akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang mana urusan perlantikan perunding kerja-kerja rekabentuk dan ukur dijangka dapat disiapkan dalam tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja-kerja meluruskan jalan yang bengkok-bengkok di laluan Bukit Putus, kerja ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan

Malaysia Ketujuh, pelaksanaan projek ini akan bermula dari Kampung Baru Paroi hingga Kampung Ulu Bendul.

- (b) Peruntukan kewangan yang disediakan bagi membiayai projek-projek yang saya nyatakan tadi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM3.35 juta.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mendapat tahu perkembangan yang terkini tentang ura-ura kerajaan hendak mengadakan satu jalan baru berbentuk lebuh raya menghubungkan Seremban-Kuala Pilah-Jempol dan terus ke Bandar Muazam. Adakah ini telah dijalankan dan bilakah ianya akan diusahakan oleh pihak yang berkenaan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai apa-apa maklumat berkenaan dengan itu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jalan di antara Kahang, Kluang ke Mersing tidak begitu baik, banyak berlubang, sempit dan bengkok-bengkok. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf jalan ini atau paling tidaknya meluruskan mana-mana selekoh yang merbahaya supaya keselamatan pengguna jalan tersebut lebih terjamin.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah menerima peruntukan untuk memperbaiki beberapa batang jalan. Tetapi saya tidak tahu adakah keutamaan diberi kepada jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya akan menyiasat dan juga akan menjawab kepada Yang Berhormat dengan tulisan.

OPS KENAL - MENGESAN PENGLIBATAN KAKITANGAN JPN SABAH

17. **Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Ops Kenal yang dijalankan oleh kementerian untuk menyiasat kes memiliki kad pengenalan palsu di Sabah ianya mengesan penglibatan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negeri di Sabah sendiri mengeluarkan kad pengenalan palsu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian masih belum mengesan kegiatan pemalsuan kad pengenalan Sabah yang melibatkan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara di negeri

Sabah. Walau bagaimanapun, seramai 16 orang kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara telah ditangkap kerana telah terlibat di dalam kegiatan mengeluarkan kad pengenalan tanpa mengikut undang-undang atau peraturan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memang ada yang ditangkap. Tetapi apa yang saya bertanya ialah apakah tindakan susulan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa tidak ada kakitangan Jabatan Pendaftaran yang masih melakukan perbuatan yang serupa?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan terhadap 16 orang yang ditangkap di antara tahun 1995 hingga 1996, Jabatan Pendaftaran telah memperketatkan lagi peraturan-peraturan dan juga bidang kuasa-bidang kuasa pegawai-pegawai yang tertentu, di mana hanya pegawai yang ada pada satu tahap sahaja boleh mengeluarkan kelulusan untuk permohonan-permohonan tertentu dan juga kad-kad pengenalan yang kali pertama ataupun pertukaran itu perlulah dirujuk kepada ibu pejabat Kuala Lumpur supaya centralize di Kuala Lumpur. Maknanya, di peringkat negeri tidak boleh keluar kad pengenalan yang baru.

Dari segi sindiket-sindiket ataupun ahli sindiket yang cuba memperlakukan pegawai, kami juga ada ketatkan sistem pentadbiran di Jabatan Pendaftaran Negara.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri memperakui bahawa ada kes-kes penipuan kad pengenalan palsu. Setelah kerajaan memudahkan atau melonggarkan peraturan membuat pasport dengan menggunakan kad pengenalan sahaja tanpa menggunakan sijil surat beranak ataupun sijil kelayakan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa mungkin kad-kad pengenalan palsu ini telah digunakan untuk mengadakan atau memohon pasport antarabangsa. Jadi, kalau ada, bolehkah Yang Berhormat terang kepada Dewan yang mulia ini beberapa banyak yang telah dikesan, dan adakah penangkapan yang berlaku ke atas mereka yang cuba membuat pasport antarabangsa dengan menggunakan kad pengenalan palsu?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini walaupun saya tidak ada angka yang tepat mengenai berapa orangkah telah mendapatkan pasport secara melalui kad pengenalan palsu. Tetapi setahu saya angka itu adalah paling kecil sekali. Ada,

tetapi segelintir. Walau bagaimanapun, pasport antarabangsa ini tidak ada satu tempoh sah. Paling lama pun lima tahun, dan bila-bila pun kita boleh tarik balik pasport itu ataupun kita boleh masukkan nama seseorang pemegang pasport, iaitu di dalam komputer di pintu keluar masuk.

Jadi, sebaik sahaja kalau ada apa-apa maklum balas ataupun kita syaki seseorang itu, kita masukkan namanya di semua pintu keluar masuk, maka pasport itu masih kita tahan pada masa mereka hendak keluar. Jadi, sistem ini masih dikira praktikal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun suntuk.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 15, 18 hingga 50 dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Tindakan Ke atas Pelajar yang Menunjuk Perasaan Terhadap Pemain Kriket Israel

3.35 ptg.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Banyak penyokong. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Mu nak ghoyak apa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bismillahir-Rahmanir-Rahim. Usul Menangguhkan Majlis Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan masalah tindakan drastik terhadap mahasiswa yang dikatakan terlibat dengan demonstrasi menentang kehadiran pasukan kriket negara haram Israel.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), saya ingin memberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Dewan Rakyat untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu masalah tindakan drastik yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan hasutan daripada media prokerajaan terhadap mahasiswa yang dikatakan terlibat dengan demonstrasi menentang kehadiran pasukan kriket negara haram Israel, dan usul saya adalah berbunyi:

Pertama, menyedari bahawa Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan terbuka perlu kepada kritikan, teguran dan pandangan terhadap falsafat, program dan segala tindakan kemajuan yang dijalankan.

Kedua, menyedari bahawa mahasiswa dan pendidikan adalah aset dan pelaburan jangka panjang yang perlu dipupuk dan diperkembangkan bagi menjayakan segala citra, program dan perancangan masa depan ummah dan negara Malaysia.

Ketiga, menyedari bahawa tindakan membuang mahasiswa adalah tindakan berundur, kuno dan fasis dan penindasan terhadap rakyat dan suara intelektual serta membantut kreativiti jenerasi muda.

Maka di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat hari ini mengizinkan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood menangguhkan Majlis Mesyuarat hari ini untuk membincangkan masalah tindakan drastik terhadap mahasiswa yang dikatakan terlibat dengan demonstrasi menentang kehadiran pasukan kriket negara haram Israel. Oleh kerana perkara ini adalah tertentu, kepentingan orang ramai dan dikehendaki disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, dalam jawapan terhadap pembahasan peruntukan tambahan, antara lain beliau telah menyatakan bahawa mahasiswa yang dikatakan terlibat dengan demonstrasi menentang kehadiran pasukan kriket negara haram Israel dilabelkan sebagai tidak mengenang budi dan jasa baik kerajaan dan tindakan membuang mereka daripada pengajian universiti akan diambil.

Yang kedua, sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Bertindak Mahasiswa Universiti Tempatan telah menghantar memorandum kepada kerajaan. Antara lain kandungannya menyeru pihak kerajaan supaya tidak mengambil tindakan drastik, iaitu membuang pelajar yang dikatakan terlibat dengan demonstrasi tersebut memandangkan bahawa idealisme beliau khususnya mahasiswa adalah suatu citra yang ingin melihat wujudnya segala kesempurnaan dalam falsafat dan praktik kehidupan masyarakat dan bernegara.

Yang ketiga, izinkan saya memberi dua cebis contoh peristiwa berhubungan dengan dinamisma pelajar-pelajar atau remaja yang patut menjadi perhatian. Pertama, dalam demonstrasi atas isu 'Kebuluran di Baling' awal tahun 1970-an. Mahasiswa telah mengadakan demonstrasi, dan bagi

mengelakkan tindakan keras polis, para demonstrat telah masuk berlindung di Masjid Negara. Ketua demonstrat itu ialah Timbalan Perdana Menteri sekarang yang ada di hadapan kita....

Tuan Yunus bin Rahmat: Mana ada bukti.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:...Orangnya cantik dan lawa atau segar.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Mana ada bukti, berat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:Bahkan menjadi Perdana Menteri Malaysia di masa akan datang, kita doakan.

Jika tindakan menyekat pengajian mereka diambil, sudah barang tentu kebanyakan rakan-rakan TPM itu tidak berada di tempat-tempat penting dalam kerajaan dan sektor korporat sekarang ini.

Yang keempat, kedua iaitu satu peristiwa di zaman konfrontasi Malaysia-Indonesia, di mana seorang pemuda yang baru keluar daripada bangku sekolah dan bertugas sebagai pemberita sebuah akhbar, dengan penuh semangat berkobar-kobar telah memanjat tiang dan membakar bendera Indonesia di hadapan kediaman Duta Jatigo Musumok. Jika tindakan drastik diambil terhadap pemuda tersebut, sudah tentu masa depannya terjejas. Tetapi bintang dan tuah pemuda yang bersemangat itu begitu cerah walaupun ilmunya tidak setinggi mana. Dan pada hari ini beliau duduk di dalam Parlimen ini Timbalan Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, maka bagi mencegah dan mengatasi supaya tidak berlaku satu kerugian kerana mempersia-siakan aset dan pelaburan negara di bidang pendidikan dan bagi menghalangkan Menteri Pendidikan dan pihak berkuasa universiti berkenaan dari mengenakan apa-apa tindakan terhadap para pelajar terlibat, maka saya mohon izin supaya Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul....

Seorang Ahli: Tolak!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat dari Tumpat pada 15hb.

April, 1997 jam 6.00 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu perkara yang tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang tertentu. Saya difahamkan Jawatankuasa Disiplin Universiti belum lagi bersidang dan menetapkan apa-apa hukuman yang patut dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang mengambil bahagian di dalam tunjuk perasaan itu. Yang ada sekarang ini adalah hanya ura-ura sahaja di atas jenis hukuman yang patut dikenakan. Yang demikian, tidak seharusnya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menegaskan di dalam usulnya bahawa pelajar-pelajar itu akan dihukum, buang sekolah atau akan dihukum demikian. Oleh itu, perkara ini bukanlah perkara yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga mengungkit-ungkit semasa tunjuk perasaan peristiwa 'Baling' dan 'Konfrontasi Indonesia dengan Malaysia', tindakan tidak diambil ke atas mereka adalah diputuskan oleh pihak universiti atau Jawatankuasa Disiplin Universiti yang di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini juga. Yang demikian, perlu kita menunggu keputusan Jawatankuasa Disiplin itu.

Selain daripada itu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Kita juga bersama-sama mempunyai simpati ke atas pelajar-pelajar yang terlibat itu. Kita seharusnya membenarkan Jawatankuasa Disiplin yang ditugas khas di bawah undang-undang untuk menjalankan tugas yang diletakkan ke atas mereka untuk menjatuhkan apa-apa sahaja hukuman yang setimpal ke atas mereka. Tambahan lagi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Dewan telah mempunyai banyak masa membahaskan perkara ini, khususnya semasa perbahasan Titah Ucapan DiRaja tempoh hari. Ada ahli yang berucap berkenaan dengan tunjuk perasaan itu. Tambah lagi perkara ini boleh dibawa ke dalam Dewan ini pada mana-mana masa setelah mendapat kepastian bahawa pelajar-pelajar itu telah dibuang sekolah. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. [Tepuk]

RANG UNDAANG-UNDAANG

**RANG UNDAANG-UNDAANG LEMBAGA
KEMAJUAN JOHOR TENGGARA
(PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [16 April 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar diminta jawab.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan pendapat mereka mengenai rang undang-undang ini. Mereka ialah Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Mersing dan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa rang undang-undang ini ialah membolehkan kerajaan membubar KEJORA. Ia mengariskan pelbagai strategi dan cara untuk menentukan bahawa pembubaran KEJORA tidak akan menimbulkan apa-apa kesulitan kepada kerajaan atau pun kepada rakyat yang terlibat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong atas pengiktirafan daripada beliau atas jasa KEJORA khususnya dan sumbangan Kerajaan Persekutuan amnya kepada pembangunan di kawasan KEJORA.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beroperasi sejak 1972 hingga kini KEJORA telah berjaya melaksanakan berbagai program pembangunan berdasarkan kepada pelan induk yang telah disediakan itu. Dalam projek-projek yang telah dilaksanakan ialah satu pembukaan seluas 15,600 hektar ladang kelapa sawit dan getah oleh anak syarikat KEJORA.

Pembangunan sebuah kompleks pelancongan di kawasan tepi pantai Laut China Selatan, antara kemudahan-kemudahan yang telah disediakan termasuk 3 buah hotel, sebuah padang golf 18 lubang dan kemudahan-kemudahan rekreasi laut dan darat. Pembangunan lot-lot dan industri seluas 254 hektar di bandar Penawar dan bandar Tenggara.

Keempat, pembukaan dua buah bandar baru, bandar Penawar dan bandar Tenggara. Selain itu KEJORA juga telah membuka tiga buah pusat pendapatan kecil Putrajaya, Sri Petani dan Mas. KEJORA telah terlibat dalam pembinaan sebanyak 2,900 unit rumah, 109 unit ruang niaga serta kemudahan-kemudahan awam dan sosial termasuk masjid, dewan serbaguna, balai raya, stadium, perpustakaan dan lain-lain.

Yang kelima, kemudahan jalan raya sepanjang 517 kilometer di seluruh wilayah, pembinaan lima skim bekalan air dan keupayaan sebanyak 18 gelen sehari dan empat skim bekalan letrik yang memangku sejumlah 197 mega watt. sehari. Di samping itu KEJORA terlibat dalam pelaksanaan program pembangunan dan institusi daripada bandar baru, kampung-kampung tradisional untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk di dalam wilayah.

Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan termasuk ceramah agama, kelas fardu ain, kursus-kursus motivasi, bengkel-bengkel yang melibatkan aspek keagamaan, kemasyarakatan dan ekonomi perniagaan. KEJORA juga terlibat dalam Program Pembangunan rakyat Termiskin, di mana sehingga akhir 1996, 357 buah rumah telah dibina dan dibaik pulih dalam pelaksanaan tiga projek pertanian kelompok bagi peserta PPRT.

KEJORA telah juga terlibat dalam pembangunan empat buah projek perumahan tersusun di kampung tradisional yang melibatkan pembinaan 210 unit rumah murah di empat buah kampung. Sejak 1972 hingga kini peruntukan sejumlah kira-kira RM329 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek dalam program tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong juga membangkitkan dan merayu agar segala urusan tertangguh dapat di uruskan dengan saksama, beliau meminta supaya 'grace period' diberi untuk membolehkan penyerahan kepada agensi baru berjalan dengan lancar untuk mengurangkan anomali dan masalah kepada semua pihak. Sekiranya perlu diberi 'grace period' kementerian sedia mengambil apa-apa langkah yang bersesuaian untuk menentukan proses pembubaran dan penyerahan tugas dan fungsi serta tanggungjawab Lembaga Wilayah Kejora berjalan dengan teratur. Beliau juga menyarankan bahawa perhatian sewajarnya diberi kepada koperasi kakitangan KEJORA. Kerajaan akan mengambil kira pendapat Yang Berhormat mengenai kedudukan koperasi kakitangan KEJORA.

Yang Berhormat dari Mersing menyentuh mengenai jalan dan

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri eh..... Setiausaha Parlimen, insya-Allah naik pangkat dah. [Ketawa] Cuma saya ingin meminta penjelasan sikit, setelah KEJORA dibubarkan adakah syarikat yang telah diswastakan, KEJORA ini akan menjalankan tanggungjawab, tugas dan amanah sama seperti yang telah dijalankan oleh KEJORA selama ini. Bermaknanya, syarikat ini akan terus mengadakan komitmen sosial terhadap masyarakat, terhadap PPRT, pendidikan agama, masjid-masjid yang telah dibina, adakah maintenance ke atas masjid-masjid tersebut akan dipertanggungjawabkan oleh syarikat-syarikat berkenaan?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan berapa luaskah tanah KEJORA yang telah diswastakan dan sama ada kerajaan berpuas hati dengan harga penswastakan dan harga tanah yang telah diswastakan? Dan adakah kerajaan juga ingin menasihati syarikat yang telah diswastakan tanah tersebut supaya memberi ekuiti kembali kepada sekurang-kurangnya kepada Amanah Saham Johor ataupun kepada (LPP) Lembaga Persatuan Peladang atau pun badan-badan amanah negeri Johor kerana ini adalah projek di dalam negeri Johor? Jadi adakah, saya difahamkan projek ini telah diswastakan jadi tidak ada ruang atau pun peluang diberi kepada agensi-agensi amanah negeri jadi atau pun LPP atau pun lain-lain agensi. Jadi adakah pihak kementerian ingin menasihati dan mengarahkan syarikat yang telah diberi penswastakan ini sekadar untuk membalas budi dan mengenang budi mereka sewajarnya memperuntukkan peruntukan kepada amanah-amanah ataupun badan-badan amanah di negeri Johor. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama saya ingin menjelaskan di sini bahawa yang diswastakan ialah aktiviti-aktiviti komersial KEJORA bukan KEJORA, KEJORA kita akan bubar. Jadi peranan yang telah dimainkan KEJORA selama ini akan diserahkan kepada agensi-agensi tertentu dan mana bahagian-bahagian KEJORA yang dapat dikomersialkan ianya akan diswastakan. Maka agensi-agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri yang mengambil alih peranan KEJORA ini akan meneruskan apa-apa peranan sosial yang telah dimainkan KEJORA selama ini.

Mengenai soalan kedua, berapa luas tanah yang telah diswasta? Luasnya ialah 15,600 hektar.

Mengenai soalan yang ketiga, sama ada syarikat yang telah diswastakan itu akan memberi saham-saham kepada Amanah Saham Johor dan sebagainya. Saya ingin menegaskan di sini bahawa saya membaca satu petikan dari jawapan di Dewan Undangan Negeri Johor yang telah menunjukkan bahawa agihan itu telahpun dibuat. Saham tersebut, sebagaimana yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada Exco Sekuriti, saham tersebut diperuntukkan pecahan berikut:

Sebanyak 2.95 juta kepada Pengarah dan kakitangan kumpulan (JTOP) Johor Tenggara Oil Palm. Sebanyak 5 juta saham diagihkan kepada institusi terpilih yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti seperti berikut:

- (i) Yayasan Pelajaran Johor (500 ribu saham);
- (ii) Dana Johor (500 ribu saham);
- (iii) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor;
- (iv) Konsortium Johor Sendirian Berhad;
- (v) Permodalan Darul Takzim Sendirian Berhad;
- (vi) Yayasan Darul Takwim; dan
- (vi) Koperasi Pekerja Pelaburan Pekerja-pekerja KEJORA.

telah pun diberi peruntukan saham-saham.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ingin menyentuh sikit Tuan Yang di-Pertua tadi maknanya 15,600 hektar dekat-dekat 40 ribu ekar kalau kita 'convert' lah kalau tak silap saya. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya adakah tanah ini kalau tanah milik kerajaan selalunya ialah tanah Simpanan Melayu 'Malay reservation land' kalau milik kerajaan di negeri Kedah, pasal saya orang Kedah. Adakah tanah ini juga tanah simpanan Melayu kerana ia adalah tanah kerajaan negeri Johor diperuntukkan kepada KEJORA? Dan adakah kerajaan mengambil kira 15,600 hektar ini diberi kepada syarikat public listed ataupun syarikat yang telah diberikan itu sama ada syarikat itu syarikat Melayu bertaraf bumiputra, syarikat bumiputra bertaraf Melayu ataupun syarikat ini bukan syarikat bumiputra? Kalau bukan syarikat bumiputra bagaimanakah tanah simpanan Melayu boleh dipindah milik dan adakah syarikat ini mengganti 15,600 hektar ini dengan tanah yang lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dan adakah pihak

kementerian berpuashati dengan 5 juta saham diperuntukkan kepada empat atau lima badan-badan ini, adakah ini mencukupi? Dan saya bertanya ini Tuan Yang di-Pertua bukan kerana apa tapi oleh kerana sat lagi saya nak tanya dalam ucapan ini, adakah kerajaan berpuas hati dengan agensi-agensi yang kita tubuh DARA, KEJORA, KETENGAH, ketepi semua ini, mencapai matlamat dia kemudian kita bubar kita bagi kepada satu-satu orang. Jadi adakah ini mencapai matlamat hasrat penubuhan itu? Itu yang penting Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Soalan yang pertama adakah sama ada kerajaan mengambil kira untuk jenis tanah yang telah diwastakan. Saya yakin kerajaan Barisan Nasional telah mengambil kira semua aspek bentuk tanah, gunaan tanah dan sebagainya dan mengambil kira undang-undang yang bersabit dengan masalah tanah. Oleh itu maka ianya telah diluluskan oleh kerajaan untuk diwastakan kerana segala proses-proses penswastaaan, aktiviti-aktiviti komersial KEJORA ini telah pun diluluskan oleh kerajaan. Saya yakin kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengabaikan apa-apa isu yang sepatutnya diambilkiran.

Mengenai adakah matlamat kerajaan untuk membubarkan DARA, KEJORA dan JENGA ialah untuk memberi peluang kepada orang perseorangan. Saya rasa ini adalah isu yang tidak dalam pemikiran kerajaan. Kalau apa-apa bahagian yang akan diwastakan ianya akan dibuat dengan tujuan untuk memberi peluang kepada kaum bumiputra untuk menjalankan perniagaan. Begitu juga peluang diberi kepada pegawai-pegawai untuk mengadakan peluang untuk berkecimpung dalam perniagaan. Maka dengan itu saya harap Yang Berhormat terima perjelasan.

Yang Berhormat dari Mersing telah bertanya mengenai jalan dan ingin saya memberitahu di sini bahawa jalan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah di luar kawasan KEJORA. Walau bagaimanapun kita mengambil perhatian, kita akan menyampaikan ia kepada pihak berkenaan.

Yang Berhormat Kota Melaka memilih untuk menanggung di air keroh kerana beliau menimbulkan isu JTOP, saya pun hairan mengapa beliau menimbulkannya sekarang? Adakah beliau mencari modal politik baru ataupun beliau seronok untuk memperkecil-kecilkan kejayaan usahawan bumiputra dengan berbagai andaian. Hanya Yang Berhormat sendiri tahu. Saya berkata begitu kerana penswastaaan aktiviti komersial KEJORA telah

dilaksanakan dengan teratur mengikut prosedur dan garis panduan penswastaaan dan mendapat persetujuan kerajaan pada tahun 1993. Bagi kementerian isu ini telah pun selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan angka-angka yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dalam muka surat 118/119 Dewan Rakyat pada 16 haribulan, beliau menyenaraikan pegangan ekuiti dalam JTOP dengan tujuan yang diketahui oleh beliau sendiri. Mungkin itu disengajakan ataupun nama pihak yang lain yang tidak disenaraikan di situ. Untuk makluman dewan di antara pemegang-pemegang saham tersebut adalah Yayasan Pelajaran Johor, Yayasan Darul Takwin, Konsortium Johor Sendirian Berhad dan koperasi pelaburan pekerja KEJORA. Ini tidak dirahsiakan kerana ada dalam laporan JTOP sendiri. Saya berharap pada masa akan datang Yang Berhormat kalau nak beri data-data lebih lengkap supaya tidak memberi gambaran yang tidak tepat kepada Parlimen.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan pemutarbelitan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa saya cuba memperkecilkan pengusaha bumiputera. Saya rasa itu bukan isu dan saya tidak pernah menimbulkan perkara ini, jadi, saya ingin memberi amaran kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya jangan memainkan isu yang bukan-bukan, yang saya tidak pernah timbulkan dalam ucapan saya.

Merujuk kepada apa Yang Berhormat menyatakan tadi dan angka-angka yang dikeluarkan, saya ingin bertanya kerana apa yang saya mengambil angka-angka ini adalah daripada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Johor di mana jawapan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru, bukan yang lama. Mungkin angka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat ini sudah menjadi angka lapuk daripada bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Sekarang kita masuk ke zaman baru, zaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru di mana dalam ucapannya, jawapannya yang dikeluarkan dalam surat khabar *The New Straits Times*, ini bukan surat khabar yang bukan-bukan, ini surat khabar milikan UMNO *The New Straits Times* 22hb. November, 1996 menyatakan jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bahawa ekuiti JTOP adalah seperti berikut:-

- (i) Southern Integrated Agriculture Project, dengan izin, - 58.82%
- (ii) Ramli Idris - 6.42%;
- (iii) Ahmad Ghazali Mat Kasim - 6.42%; dan
- (iv) yang lain-lain termasuk orang awam, institusi bumiputera dan lain-lain - 28.34%.

Tadi Yang Berhormat semasa menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan berkata bahawa 5 juta saham telah diberikan kepada institusi berteraskan Johor. Adakah Yang Berhormat tahu, what is the issued capital, dengan izin, apakah modal terbitan JTOP?

Tahu atau tidak? Kalau kita lihat prospektus kita jangan main-main dalam perkara ini. Issued and fully paid up capital, ini prospektus JTOP, semua ada tersenarai - RM160 juta. Issued and fully paid up - RM160 million. RM5 juta itu kira apa? Tak sampai 4% dan tak sampai 3%, adakah ini munasabah untuk sebuah kerajaan negeri, di mana ia telah serahkan 15,425 hektar tanah kepada JTOP. Itu menjadi pokoknya, bukan isu perkauman. Ini tidak timbul langsung, jangan main-main dalam isu perkauman dalam perkara ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak main-main, tetapi kalau kita tengok dari ucapan Yang Berhormat pelbagai andaian yang dibuat. Ahli Yang Berhormat sendiri baca *Hansard* yang telah dibuat, apakah bukti-bukti yang telah disebutkan? Segalanya andaian bahawa segala urusan ini adalah tidak betul.

Jadi, itulah pada tafsiran saya, mungkin Ahli Yang Berhormat melihatkan itu syarikat bumiputera dan

Tuan Lim Guan Eng: Tidak betul, tidak benar, Yang Berhormat. Tetapi saya tidak mempertikaikan prestasi bumiputera. Masa itu, Tuan Yang di-Pertua pun ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Douglas Uggah Embas: Sit down!

Tuan Lim Guan Eng: Jangan putarbelitkan, itu bukan perkara main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya tidak main-main.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cakap salah, tetapi

mana ada saya cakap ini menunjukkan prestasi pengusaha bumiputera yang tidak baik. Ini satu tuduhan yang liar, yang bohong. Jangan cakap macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan membuat tuduhan, saya hanya membuat pertanyaan. Hanya Ahli Yang Berhormat sendiri dapat jawabannya, kalau itulah jawapan Ahli Yang Berhormat beri, kami terimalah. Baguslah, terima kasih!

Tuan Yang di-Pertua, mengenai angka-angka yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat ada Laporan JTOP, mengapa Yang Berhormat memilih angka yang dikeluarkan dalam *The New Straits Times*, yang tidak lengkap dengan senarai yang lain? Tentu Yang Berhormat ada tujuan yang tertentu.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Kerana dalam Laporan JTOP ada disenaraikan di sini yang jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya minta penjelasan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan dahulu, saya belum habis ucapan. Dan angka-angka yang saya sebutkan tadi, adakah angka jawapan yang saya dapat diberi oleh Kerajaan Negeri Johor sama ada kerajaan itu kerajaan lama atau baru, bagi kita adalah Kerajaan Barisan Nasional, mungkin DAP yang ada lama dan yang baru. [*Tepuk*]

Tuan Lim Guan Eng: Pemimpin lain!

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay, tak ada modal, you jangan cakap lagi. Duduklah!

Berhubung dengan tuduhan bahawa pelbagai kepentingan negeri Johor telah diketepikan, itu saya sudah jawab dan saya rasa ianya telah jelas. Dengan itu saya

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay, last one!

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih! Tuan Yang di-Pertua, prospektus ini telah dikeluarkan pada

28hb. Jun, 1996. Okay, ini kedudukan pegangan ekuiti di mana saya rasa untuk Kerajaan Negeri Johor tak sampai 3% atau 4% dan Yang Berhormat masih belum menjelaskan kalau hanya 5 juta saham diberikan kepada institusi berteraskan Johor, adakah ini dikira munasabah bila Kerajaan Negeri Johor telah menyerahkan 15,425 hektar tanah kepada mereka.

Dan yang kedua, perasaan tidak puas hati oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan yang baru Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang baru ternyata keluar dalam Dewan Undangan Negeri Johor selepas syarikat ini disenaraikan dalam BSKL dan ini berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Johor pada 21hb. November, 1996 yang tersiar dalam surat khabar.

Mengikut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sekarang, itulah kedudukan pegangan ekuiti yang terbaru kerana selepas ianya disenaraikan kita tidak tahu sama ada ahli lembaga pengarah ada menjual di Bursa Saham kepada pihak-pihak lain, tetapi itu mengikut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Dan saya mengambil angka-angka yang diberikan olehnya dalam Dewan Undangan Negeri Johor.

Dan di sini adalah jelas di mana beliau menyatakan permohonan Kerajaan Negeri Johor untuk mendapat pegangan ekuiti sebahagian besar di JTOP telah ditolak, sungguhpun kebanyakan aset utama KEJORA adalah tanahnya, tak ada lain. Aset yang paling penting the jewel of the crown of KEJORA, dengan izin, adalah tanahnya. Kalau tanahnya diserahkan kepada JTOP, tak ada lain-lain komersial aktiviti yang feasible, yang viable, yang boleh dijalankan oleh KEJORA.

Tetapi, sungguhpun begitu, mereka tidak dapat pegangan ekuiti yang mereka meminta dan di sini saya hendak bertanya mengapa ini tidak diambil kira. Itu perkara pokok yang paling utama sekali. Mengapa permohonan Johor untuk mendapat pegangan ekuiti yang besar tidak dilayan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kawan saya dari Kota Melaka ini pandai putarbelit isu. Dia kata, dia ada baca laporan dari Dewan Undangan Negeri Johor, tetapi dia tak kemukakan segala angka-angka yang ada. Angka yang dia suka, dia keluarkan dalam Dewan ini, angka yang dia tidak suka, dia 'tapuk'. Dia fikir kita tidak ada angka-angka yang tertentu! *[Tepuk]*

Mengenai angka yang lapuk yang dia dapat, mungkin dia tidak bertugas cukup kuat, kerana dia bercakap pada 16hb, laporan JTOP ada dikeluarkan. Sepatutnya, kalau dia ikhlas untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini, beliau sepatutnya

melihat laporan yang terkini supaya angka-angka yang diberi tepat.

Mengenai saham kepada negeri Johor, ini memang telah disebutkan oleh beliau, tetapi beliau juga jangan lupa bahawa selain mendapat peruntukan saham-saham tersebut, Kerajaan Negeri Johor juga dapat dari hasil penswastan itu peruntukan untuk meneruskan pembangunan di kawasan KEJORA juga.

Jadi, dari segi itu, kita mesti lihat apa yang terdapat di kawasan KEJORA. Itulah sebabnya jawapan saya tadi dengan panjang lebar dan kawan saya dari Parit Sulong telah menggariskan apakah 'contribution' KEJORA kepada kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menggariskan dalam Dewan ini, mengapakah Kota Melaka menjadi jurucakap kepada Kerajaan Negeri Johor kerana itu satu perkara yang amat menghairankan. Wakil Barisan Nasional Johor dan Kota Melaka adalah dari DAP. Jadi mengapa Kota Melaka tiba-tiba melantik dirinya menjadi jurucakap kepada Kerajaan Negeri Johor? Adakah kerana DAP tidak lagi memberi sokongan kepada beliau?

Yang keduanya, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menggariskan dengan jelas, berapa banyakkah yang dibayar kepada kerajaan negeri menerusi penswastan KEJORA? Saya bertanya kerana saya pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah KEJORA. Sekali lagi saya ulangi bahawa keputusan penswastan ini adalah hasil daripada apa yang telah pun diluluskan oleh pihak EPU.

Dan kami terdiri daripada barisan yang mewakili kerajaan dan juga profesional. Kita mempunyai dua EXCO Kerajaan Negeri, kita mempunyai Setiausaha Kerajaan Negeri duduk di dalam. Masakan kami terlalu bodoh untuk tidak menimbangkan kepentingan Kerajaan Negeri Johor. Ini yang menjadi hakikat.

Dan tiba-tiba sahaja hari ini pihak Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun untuk menjadi jurucakap dan seolah-olah cuba menimbulkan satu perbalahan di antara Menteri Besar yang lama dan Menteri Besar yang baru. Hakikatnya sama ada

Menteri Besar lama, Menteri Besar baru, kerajaan adalah Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, saya yakin beliau tadi telah membaca laporan yang telah pun diputarbelitkan ataupun yang telah dilaporkan secara tidak sepenuhnya daripada *The New Straits Times*.

Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya membaca laporan itu sepenuhnya supaya Dewan ini mendapat satu penjelasan dan juga dapat mengelakkan sebarang kekeruhan yang mungkin timbul akibat daripada usaha yang cuba dimainkan oleh pihak DAP. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Yang pertama, mengapa dia jadi jurucakap orang Johor - dia sendiri yang tahulah! [*Ketawa*]

Yang kedua, jumlah yang dibayar mengikut angka yang ada pada saya di sini, consideration untuk penswastaaan ini adalah RM130 juta adalah 33% lebih dari apa yang ditawarkan oleh pihak swasta.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut mengenai laporan dari Dewan Undangan Negeri Johor bahawa Menteri Besar Johor tidak berpuas hati, tetapi kalau kita baca dengan teliti, jawapan-jawapan tersebut tidak ada bukti yang menunjukkan beliau tidak berpuas hati. Hanya beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Johor tidak terlibat secara langsung. Memang semua kerajaan negeri tidak terlibat secara langsung dalam proses penswastaaan.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Berilah satu sahaja.

Tuan Douglas Uggah Embas: Kerana kerajaan negeri memang tidak ada

Tuan Lim Guan Eng: Beri jalanlah!

Tuan Douglas Uggah Embas: Sit down!

Tuan Lim Guan Eng: Beri jalan, penjelasan. Ini demokrasi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Masa kita sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja.

Tuan Douglas Uggah Embas: Kerajaan negeri memang secara tidak langsung terlibat dalam soal penswastaaan beberapa projek dan itulah yang disebutkan dalam ucapan ini. Jadi, ini telah ditafsirkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan diputarbelit kepada perkara-perkara lain.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan!

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak memberi jalan dan laluan kepada Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat pun sudah memberikan pandangan.

Tuan Lim Guan Eng: Janganlah takut, saya bukan tujukan kepada Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cakap RM130 juta, tetapi mengikut prospektus RM230 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Nilai tanah ialah RM230 juta. [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan ya.

Tuan Lim Guan Eng: Dia bohong sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, diminta duduk!

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih ...

Tuan Lim Guan Eng: Ha, dia lari sekarang, ucap terima kasih, dia lari, tak berani jawab. Nilai tanah RM230 juta bukan RM130 juta. Mana boleh macam ini? Apa ini, takut! [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 -

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 5 di mana ada dinyatakan tentang perpindahan harta. Di sini saya hendak bertanya apakah nilai harta yang telah dipindahkan? Tadi Yang Berhormat telah memberikan satu angka yang salah, yang mengelirukan Dewan yang mulia ini kerana Yang Berhormat menyatakan harga tanah yang dibayar oleh JTOP kepada Kerajaan Negeri Johor adalah sebanyak RM130 juta, iaitu 33% lebih tinggi daripada harga pasaran yang ditawarkan oleh pihak swasta yang lain.

Ini kalau kita tengok prospektus oleh JTOP yang dikeluarkan pada 28hb. Jun tahun lepas bukanlah setakat RM130 juta sahaja, Tuan Pengerusi, tetapi adalah lebih daripada itu, iaitu satu nilai pasaran yang diberikan oleh C.H. Williams, dengan izin:

"Open valuation of properties belonging to JTOP or Johor Tenggara Oil Palm Bhd. The letter has been prepared for inclusion in the prospectus to be dated 28th June 1996 in connection to the offer for sale of 36.5 million ordinary shares of RM1.00 each in JTOP at the offer price of RM1.65 per ordinary share. In accordance with the instruction to value the seven property listed below, we confirmed, we have inspected them make relevant inquiries at obtain such information accessory for the purposes of providing you with our opinion of the open market value. Our open market value is define has the best price with at which interest in the property might reasonably be expected to be sold....."

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka, sekejap, point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Point of order. Sekarang kita bincang dalam Jawatankuasa. Jadi, dalam Jawatankuasa, kita tidak boleh menyentuh fasal dasar.....

Tuan Lim Guan Eng: Mana dasar?

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang disentuh oleh Yang Berhormat itu adalah dasar!

Tuan Lim Guan Eng: Mana dasar? Saya menyatakan tentang tanah!

Tuan Douglas Uggah Embas: Kita sepatutnya berbincang mengenai perkara-perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya bertanya tentang tanah, apakah harga dan nilai tanah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu, satu dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Douglas Uggah Embas:bukan peluang Yang Berhormat untuk melemparkan apa-apa tuduhan. Tuduhan ini patut diucapkan oleh Yang Berhormat dalam ucapan dasar tadi. Ini Yang Berhormat dari Kota Melaka kena faham apa peraturan Dewan. Ini bukan Dewan dia sendiri, ini Dewan Rakyat Malaysia, dia kena ikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, memang kita dalam Jawatankuasa ini khususnya kepada perkara 5 itu, kita tidak boleh menyentuh dasar terlalu jauh. Yang Berhormat telah berulang kali membabitkan prospektus. Sila tumpukan kepada pindaan perkara 5 itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya cakap secara spesifik tentang nilai tanah di mana Yang Berhormat cakap tadi ialah RM130 juta dan mengikut prospektus ini ialah RM283.2 juta iaitu satu angka yang dua kali ganda lebih tinggi, hampir seratus peratus lebih tinggi daripada apa yang dinyatakan dan ini adalah satu perkara yang tidak boleh diterima. RM283.2 milion, Tuan Pengerusi, ini ialah pada tarikh 20hb. Jun.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka, perkara ini sudah diulang, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sebab saya hendak tahu, apakah nilai harta yang telah dipindahkan kepada JTOP? Jangan main-main di sini! Dapatkanlah maklumat yang betul. Tadi Yang Berhormat telah memberikan angka yang tidak betul kerana angka valuation ini yang dibuat pada tahun 1995 ialah bukan untuk keseluruhan tanah yang diserahkan kepada JTOP, tetapi hanya sebahagian besar sahaja, belum lengkap lagi. Mengapa setakat RM130 juta? 15,425 hektar, bukan RM130 juta? RM283.2 juta. Kalau tidak ada prospektus, saya boleh pinjamkan kepada Yang Berhormat. Jawab sekarang! [*Tepuk*]

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat ini fikir dia pakar, tetapi dia menunjukkan kebodohan dia di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta dia tarik balik.

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay, tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Saya mahu dia tarik balik.

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay, okay, okay.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik apa?

Tuan Douglas Uggah Embas: I do not want to waste time.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik apa?

Tuan Douglas Uggah Embas: You minta apa? Saya tarik balik apa?

Tuan Lim Guan Eng: Tarikh balik perkataan 'bodoh'.

Tuan Douglas Uggah Embas: Okay, saya tarik balik.

Tuan Lim Guan Eng: Ha, good boy. *[Ketawa]*

Tuan Douglas Uggah Embas: You go to school.

Tuan Pengerusi, ini dalam peringkat Jawatankuasa, tetapi saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, angka Yang Berhormat sebut itu adalah angka di mana JTOP yang akan disenaraikan dalam KLSE. Angka yang saya sebutkan adalah angka semasa penswastaaan aktiviti-aktiviti komersial KEJORA. Ini ada dua peringkat, Yang Berhormat tidak faham. Jadi, saya tidak mahu buang masa untuk menjelaskan lebih kepada Yang Berhormat.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat merujuk kepada perkara 5, itu sudah selesai. Perkara berapa, Yang Berhormat?

Tuan Douglas Uggah Embas: Perkara ini sudah selesai.

Tuan Lim Guan Eng: Belum habis kerana ada 10 fasal lagi, tak tahukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ini dalam Jawatankuasa, kita ambil fasal-fasal sahaja, Yang Berhormat sudah bincangkan fasal 5. Sekarang fasal ke berapa?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi bagus nasihatkan Yang Berhormat ini, dia tidak tahu apa peraturan undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekejap ya.

Yang Berhormat dari Kota Melaka, fasal berapa sekarang?

Tuan Lim Guan Eng: Fasal 5 saya belum habis lagi. Dia hendak minta jalan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal 5 sudah selesai, Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya bukan minta jalan, tetapi saya menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: You nak minta jalan, you jawablah.

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat patut faham, saya tidak.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat kedua-dua, sekejap ya. Dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan fasal 5. Jadi, kalau fasal 5 itu dibangkitkan kembali, saya tidak dapat beri kebenaran. Kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan fasal-fasal lain, bolehlah. Memang peraturan dalam Jawatankuasa macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi apa yang berlaku sekarang ialah apabila saya habiskan perbahasan fasal ini, Tuan Pengerusi akan meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan jawapan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu dia telah menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, pada masa itu dia minta penjelasan daripada saya, saya cakap, 'okay, jawablah'.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: So, saya belum habis hujah-hujah saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hanya ada satu perkara yang pendek sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap, Yang Berhormat, saya tidak dapat benarkan, fasal 5 itu sudah selesai. Dia sudah bangun, sama ada jawapan dia itu.....

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, sama ada pendek atau panjang hendaklah mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat apa, you tahu tak? You tak tahu, jangan cakap-cakaplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, fasal 5 dia sudah berjawapan. Sama ada jawapan itu Yang Berhormat puas hati atau tidak puas hati, saya tidak ada kuasa untuk paksa dia.

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi pada masa itu saya masih membahaskan fasal 5.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya beri Yang Berhormat peluang untuk mengambil bahagian kalau ada fasal lain, fasal 5 sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, masih fasal 5.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal lain, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, baiklah, tak apalah. Fasal 7 - kontrak, tentu ada bayar kontrak. Kalau kita tengok tentang kontrak untuk menyerahkan tanah, saya hendak tahu nilai tentang tanah-tanah tersebut 15,425 hektar ini.....

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, saya faham. Kota Melaka, janganlah kaitkan perkara 6 dengan perkara 5.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ini pun kontrak tanah. Tanah pun ada kontrak - conveyancing. Kalau ada ramai lawyer di sini, dia tentu ada buat conveyancing.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka, cukuplah.

Seorang Ahli: Cukuplah, jangan buang masa!

Tuan Lim Guan Eng: Itu bukan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sebetulnya perkara itu Yang Berhormat masih bawa bayang-bayang fasal 5 kepada fasal 6.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang penting kerana kita ada satu perbezaan sebanyak RM153 juta. Tadi Yang Berhormat cakap RM130 juta, tetapi prospektus ini diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti, satu dokumen yang sangat penting, dia tidak boleh main-main, dia cakap RM283 juta, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, cukup, cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Mengapa dia boleh putarbelitkan? Dia tidak tahu urusan dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak tanya Yang Berhormat, ada apa-apa jawapan lagi?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini susah kita hendak jelaskan kepada dia. Kita beritahu dia maklumat yang betul, dia pusing, putar belit untuk kepentingan politik dia sendiri. Saya rasa.....

Tuan Lim Guan Eng: Mana putar belit, tunjuk bukti? Saya ada bukti, saya tunjuk di sini. Tuan Pengerusi, saya ada bukti di sini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya pun ada bukti.

Tuan Lim Guan Eng: Mana? Tunjuk? Saya ada bukti di sini beritahu kepada Parlimen.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak dapat benarkan cabar-mencabar. Saya kena panggil fasal ke fasal, habislah.

Fasal-fasal 1 hingga 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
KEMAJUAN PAHANG TENGGARA
(PEMBUBARAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.25 ptg.

Tuan Douglas Uggah Enmbas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang bernama suatu Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997 adalah bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah bermula pada tahun 1993 apabila kerajaan memutuskan supaya semua LKW kecuali KESEDAR dan PERDA dibubarkan. Walau bagaimanapun, selepas mengkaji dan meneliti pelbagai aspek yang berkaitan, pada 16 Oktober 1996 kerajaan telah memutuskan supaya tiga LKW sahaja dibubarkan dan salah satu ialah Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). Selepas pembubaran, semua fungsi dan tugas LKW berkenaan diserahkan kepada badan-badan Persekutuan, pentadbiran negeri dan swasta.

Faktor utama yang membawa kepada keputusan pembubaran tersebut ialah kerana kerajaan berpendapat bahawa peranan-peranan asas pembangunan, khususnya dari segi reopening up the frontier dan meningkatkan pembangunan dan kesan rakyat di kawasan in situ telah berjaya dilaksanakan. Ini bermakna baki kerja-kerja atau fungsi-fungsi pembangunan di kawasan DARA adalah pada skel yang jauh lebih kecil berbanding dengan peringkat penubuhannya.

Faktor-faktor lain yang telah diambil kira oleh pihak kerajaan semasa membuat keputusan untuk membubarkan DARA dan juga agensi-agensi LKW ialah:-

- (i) kemampuan yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan negeri dari segi kemahiran dan tenaga kerja untuk membangunkan negeri masing-masing dan mengambil alih fungsi-fungsi LKW; dan
- (ii) sektor swasta lebih bersedia untuk memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, DARA yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 telah meliputi kawasan seluas kira-kira satu juta hektar termasuk empat daerah, Pekan, Rompin, Bera dan Maran. Bagi menjalankan fungsi-fungsi, DARA mempunyai organisasi pentadbiran diketuai oleh seorang Pengurus Besar. DARA mempunyai seramai 432 orang anggota yang terdiri daripada 54 orang golongan pengurusan profesional dan 374 orang kumpulan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan, DARA telah ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972. Oleh itu, bagi tujuan pembubarannya, maka satu akta perlu digubal untuk membolehkan urusan mengambilalih tugas-tugas, fungsi-fungsi dan kewangan serta aset DARA oleh badan-badan Persekutuan ataupun negeri atau pihak swasta dapat dilaksanakan. Akta ini akan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 yang ada dan serentak dengan itu, Lembaga yang ditubuhkan di bawah akta pertubuhan itu dibubarkan.

Peruntukan-peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini ialah:

Fasal 3 - memperuntukkan kuasa pemansuhan akta penubuhan dan pembubaran Lembaga.

Fasal 4 - memperuntukkan bahawa segala kuasa, hak keistimewaan tugas liabiliti dan obligasi yang sebelum ini diperuntukkan kepada Lembaga diturunkan kepada kerajaan.

Fasal 5 - menjelaskan bahawa semua tanah termasuk harta alih dan tidak alih dan aset-aset lain terletak pada DARA akan terletak kepada kerajaan.

Fasal 6 - memperuntukkan bahawa semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada Lembaga dipindah dan terletak kepada kerajaan.

Fasal 7 - memperuntukkan bagi penguatkuasa segala kontrak sedia ada atau pulih atau terhadap kerajaan sebagai menggantikan DARA.

Fasal 8 - peruntukan bagi meneruskan prosiding undang-undang oleh atau terhadap kerajaan bagi menggantikan DARA yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Dengan itu semua prosiding undang-undang yang sebelum ini ke atas DARA akan diteruskan terhadap kerajaan termasuk rayuan ke atasnya.

Fasal 9 - memperuntukkan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan, subsidiari yang menyentuh dan melindungi Lembaga dan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Lembaga sebagai sebutan mengenai kerajaan.

Fasal 10 - memberi kuasa kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa walaupun DARA akan dibubarkan, pembangunan di kawasan tersebut akan diteruskan demi kepentingan penduduk tempatan (kumpulan sasaran) sebagai sumbangan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, kerajaan akan memastikan bahawa fungsi-fungsi yang dijalankan oleh DARA selama ini akan diteruskan oleh agensi-agensi lain sama ada agensi Kerajaan Persekutuan, negeri ataupun swasta. Untuk tujuan ini peruntukan pembangunan ke kawasan tersebut akan terus disalurkan melalui saluran yang ditetapkan berdasar peraturan atau perundangan yang sedia ada.

Pembubaran DARA ini pasti akan melibatkan kakitangannya yang kini sedang berkhidmat. Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan untuk menempatkan atau mengagihkan kepada mereka mana-mana agensi yang sesuai sama ada agensi kerajaan ataupun swasta sebelum berkuatkuasanya pembubaran ini. Di samping itu, pihak kerajaan dan pengurusan DARA sendiri telah memberi bantuan dan sokongan yang kuat kepada mana-mana kakitangan yang membuat permohonan untuk mendapat jawatan di mana-mana agensi yang dirasakan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, maka pembubaran LKW adalah merupakan satu langkah yang bijak dan keputusan kerajaan membubarkannya termasuk DARA patutlah disokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara yang ditubuhkan di bawah akta itu untuk memindahkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yan.

4.34 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong pembubaran tetapi saya juga ingin mendapat penjelasan - macam saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membubarkan banyak juga Lembaga yang ditubuhkan oleh kerajaan yang ditubuhkan dahulu, yang diluluskan di Dewan yang mulia ini juga ialah kerana kita hendak meninggikan taraf hidup masyarakat di kawasan-kawasan yang terbabit terutama sekali memberi pertumbuhan ekonomi kepada mereka, membela nasib mereka, memberi kemudahan asas dan sebagainya. Jadi, kita salur melalui Lembaga-lembaga ini agar ia dapat berjalan dengan lebih mudah, tetapi sekarang ini kita membentang pula undang-undang untuk membubarkannya.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan sendiri berpuashati dengan sebenarnya di atas pembubaran dan adakah matlamat penubuhan ini telah tercapai? Bermaknanya, kalau kita bina sesuatu di dalam kawasan-kawasan di bawah Lembaga tersebut, adakah setelah pembubarannya kita salurkan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mentadbirkan kawasan tersebut? Adakah agensi-agensi tersebut mampu dan saya ingin tahu apakah agensi-agensi tersebut, adakah pejabat daerah, pejabat tanah ataupun lain-lain pejabat kerana saya dapati pejabat-pejabat kerajaan yang ada pada hari ini pun tidak sempat hendak buat kerja, dengan pembangunan yang begitu pesat, peruntukan yang begitu banyak. Kadang-kadang di setengah-setengah negeri peruntukan itu tidak digunakan langsung, dihantar balik kerana tidak berkesempatan dan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi.

Jadi, ini yang kita bimbang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak serah balik kepada agensi kerajaan, saya hendak tahu siapa dia agensi kerajaan ini, kalaulah DARA, okay, siapakah agensi kerajaan dalam kawasan DARA ini yang akan mengambil alih tugas-tugas yang akan dijalankan oleh DARA. Begitu juga KEJORA yang dijalankan oleh KEJORA, siapakah agensi-agensi yang akan mengambil alih untuk mentadbirkan ataupun untuk menyalurkan peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan kepada kawasan-kawasan tersebut dan adakah peruntukan yang disalurkan ini dikurangkan ataupun ditambah lagi?

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kawasan tersebut ada sekolah, adakah sekolah-sekolah tersebut akan terus dibiayai dan dijaga oleh agensi

lain yang kita amanahkan? Yang keduanya, macam surau, masjid, macam tadi di KEJORA, kelas agama dan sebagainya, bagaimanakah mereka ini akan meneruskan tugas dan aktiviti mereka ini. Saya bimbang dan takut nanti bila kita bubarkan, prestasi terhadap masyarakat ataupun terhadap kawasan-kawasan tersebut akan menurun dan ini akan merugikan rakyat dalam kawasan-kawasan tersebut, jadi manfaatnya menurun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan sudah berpuashati, tidak apa, tetapi pastikanlah bahawa program yang disusun oleh kerajaan selama ini dalam kawasan-kawasan Lembaga tersebut dapat diteruskan perkhidmatan sosial ekonomi dengan baik. Lagi satu, tentang kakitangan. Mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi jaminan kita akan, kita akan, kita akan, tetapi sejauh mana "kita akan" memberi peluang kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok macam Bank Negara, bila dia retrenched pekerja, sekarang ini understaff dan bank menghadapi masalah juga, sedangkan Bank Negara ditubuhkan untuk memberi khidmat sosial kepada masyarakat di samping hendak cari untung, carilah tetapi jangan sampai hendak cari keuntungan sedangkan kita reduce kos dan sebagainya dan prestasi itu akan menurun.

Jadi, di sini, Tuan Yang di-Pertua, banyak. Macam KEJORA, adakah KEJORA selepas kita swastakan pekerja-pekerja ini di'absorbed' oleh syarikat yang menswastakan kawasan tersebut ataupun menswastakan KEJORA. Begitu juga DARA, adakah pekerja-pekerja DARA ini akan jadi terbiar sahaja dan terpaksa mencari kerja. Adakah jaminan agensi-agensi lain untuk mengambil mereka. Ini semua kita kena ambil kira kerana tenaga pekerja mereka ini kalau kita kaji balik, kalau kita buka DARA ini, kawasan hutan rimba dahulu [Disampuk] Ya? Daralah, macam anak Dara, Dara betul! Ini hutan rimba, depa ini pergi masuk, proses dan sebagainya, pegawai pun dengan keadaan yang serba serbi kekurangan, ini pengorbanan mereka kepada rakyat, kepada negara.

Jadi, bila kita setuju hendak dibubarkan, mungkin kerana alternatif yang lebih baik, tetapi bagaimanakah dengan tenaga-tenaga pekerja ini? Bagaimanakah dengan masalah-masalah perubatan mereka, anak mereka, persekolahan dan sebagainya. Ini kalau kita fikir memanglah masalah, kalau kita fikir masalah lagi banyak masalah. Tetapi, kalau kita tidak fikir tentang masalah mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, kita kasihan juga, depa ini pun manusia macam kita juga. Kalau tidak ada gaji,

tidak ada pendapatan, hendak harap kerja yang baru, macam mana mereka hendak bela anak isteri mereka dan ini pun akan menambah lagi masalah sosial kepada masalah sosial yang kita ada pada hari ini.

Jadi, ini dok tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua, kemudian tidak tahulah berapa Lembaga lagi hendak dibubar tetapi saya mintalah, kalau hendak bubar pastikan macam DARA tanah balik kepada kerajaan, saya bersetuju balik kepada kerajaan, tidak apa kerana ini tanah kerajaan, kerajaan beri kita bangunan, kita balik kepada kerajaan. Yang saya bimbang hakisan tanah simpanan Melayu, yang ini saya bimbangkan, macam tadi saya tanyakan KEJORA itu, Setiausaha Parlimen tidak jawab. Saya tanya adakah tanah sebanyak 15,600 hektar itu adakah itu tanah simpanan Melayu kerana tanah itu milik kerajaan. Kalau milik kerajaan lazimnya tanah simpanan Melayu. Jadi, bila kita swastakan, status tanah itu macam mana? Kalau diubah, adakah gantian kepada 15,600 hektar ini dibuat? Ini yang saya hendak tahu, ini DARA saya tidak tahulah berapa luas pula? Nasiblah diserahkan kepada kerajaan. Jadi, kalau dok buat cara itu, Tuan Yang di-Pertua, buka hutan jadi pekan beri kat orang, buka hutan jadi hutan beri kat orang, lama-lama hendak pergi mana? Ini saya peringat sahaja, sebagai Ahli Dewan ini saya hendak peringat supaya jangan - kita pastikan - tidak apalah, hak kita itu dipertahankan. Jangan kita terlepas sedikit demi sedikit, beratus-beratus hektar, jadi akhir-akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada hutan hendak buka, mula tambun lautlah. Hendak tambun laut hendak ambil tanah dari mana, fasal bukit sudah tidak ada. Kita hendak tambun laut dengan apa? Takkan kita hendak duduk atas laut dalam sampan, jadi sampai masa macam itu teruklah.

Jadi, yang inilah saya hendak peringat sahaja kepada kementerian. Saya bersetuju dengan penutupan ini kerana mungkin dengan penutupan ini, ia akan beri lebih baik manfaat tetapi pastikan agensi yang hendak ambil alih perkhidmatan daripada DARA, KEJORA dan sebagainya efisien dalam menjalankan kerja. Kalau hendak salur melalui pejabat daerah, tidak usah sembang, Tuan Yang di-Pertua. Saya reti sangat dah, pening kepala kita ini, hak yang ada la ni pun tidak cukup dah, tidak ada dah, dengan kakitangan terhad dengan yang itu terhad, yang ini terhad, satu typewriter hendak taip surat sampai 50, 60 sehari, satu komputer berebut hendak buat, macam mana, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak beri yang ini sama, kemudian suruh dia buat kerja macam mana hendak efisien? Sekurang-kurangnya Lembaga ini dia ada in-

housenya sendiri, dia ada engineer, architect dan sebagainya, sendiri dalam agensi ini. Jadi, dia mudah menjalankan kerja dia. Lembaga buat keputusan, jalan projek, peruntukan pun sendiri.

Jadi, saya hendak minta sekali lagi penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, siapakah agensi-agensi yang akan mengambil alih ini, kita hendak tahu dan adakah kerajaan menaruh kepercayaan penuh bahawa agensi ini dapat menjalankan tugas yang telah dijalankan oleh Lembaga-lembaga yang ditubuhkan.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada lagi, minta jawapan.

4.42 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap terima kasih kepada rakan saya dari Yan yang telah memberi pandangan, panduan dan nasihat yang berguna kepada kementerian dan saya ingin memberi jaminan di sini bahawa cadangan-cadangan Yang Berhormat ini akan kita ambil perhatian dalam kita membubarkan beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah.

Memang, atas rayuan Yang Berhormat selama ini, maka Lembaga Kemajuan Wilayah di negeri Yang Berhormat masih diteruskan kerana mungkin masih ada tugas yang dijalankannya.

Kita juga berterima kasih kepada Yang Berhormat atas sokongan, itu yang kita perlu dan mengenai prestasi yang selama ini, misalnya di kawasan KEJORA, mengenai bekalan air, misalnya, kita sudah dapat liputan lebih 98 peratus, begitu juga dengan bekalan elektrik, ada 98 peratus, itulah antara contoh-contoh kejayaan yang telah dicapai. Begitu juga dalam mengatasi masalah kemiskinan, pembangunan tanah dan sebagainya.

Ini bukan bererti kerja kita telah selesai, memang kerja pembangunan di mana-mana kawasan di luar bandar belum selesai, cuma yang sekarang ini kita hendak ambil pendekatan yang baru, mungkin pendekatan yang lebih berkesan. Pendekatan selari dengan dasar negara, pendekatan yang selari dengan kemajuan terkini. Maka, balik kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, apakah agensi yang mengambil alih tugas-tugas DARA ini.

Di antara agensi-agensi ialah agensi kerajaan negeri seperti untuk merancangnya saya yakin

UPEN akan mengambil tugas yang utama. Begitu juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari pihak Persekutuan akan meneruskan dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang masih ada dalam kementerian ini untuk merancang dan kemudian melaksanakan kemajuan di kawasan ini. Ini bermakna, DARA walaupun akan dibubar pembangunan di kawasan itu tidak diabaikan, ia akan terus dijalankan dan memang dalam kita menjalankan apa-apa permohonan, masalah timbul dan kita berharap dengan pendekatan baru ini masalah-masalah tersebut dapat kita elakkan ataupun kita telah dapat mencari penyelesaian yang lebih berkesan.

Memang satu daripada keraguan kita adalah mengenai kakitangan kerajaan. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

Pada masa sekarang kementerian hanya dapat memberi jaminan bahawa kita akan berusaha untuk menentukan selepas pembubaran ini tidak ada keluarga mereka yang akan terjebak ke dalam masalah sosial. Ini bermakna kita akan cuba mencari pekerjaan dan juga memberi latihan kepada mereka supaya mereka dapat mencari kerja baru.

Mengenai perkara-perkara lain yang disentuh oleh Yang Berhormat kita akan mengambil perhatian dan saya percaya dalam usaha kementerian membubar dan kemudian mengatur pembangunannya dalam masa akan datang, pandangan-pandangan Yang Berhormat sentiasa diminta oleh kementerian. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional pada suatu syarikat dengan nama Bank Simpanan Nasional Berhad dan bagi pengawalseliaannya; dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang lain yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

BSN adalah sebuah badan berkanun yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 1974 melalui Akta BSN 1974. Ia telah mengambil alih fungsi dan tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos atau POSB yang telah ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Pos. Perubahan ini dari sebuah jabatan kerajaan pada badan berkanun adalah disebabkan dua fakta utama:

Pertamanya, dalam dua setengah abad itu terdapat perkembangan ekonomi yang stabil yang telah menyebabkan pembangunan yang pesat dalam bank perdagangan, syarikat kewangan dan lain-lain institusi-institusi kewangan yang telah mempunyai kesan negatif kepada urusan perniagaan POSB.

Kedua, pihak kerajaan mahukan bank simpanan tersebut menggalakkan dan menggembleng simpanan secara agresif dari orang ramai supaya ianya dapat meningkatkan tahap simpanan nasional untuk membantu perkembangan ekonomi yang lebih tinggi. Di samping itu, POSB juga mempunyai kuasa dan keupayaan yang terhad untuk memainkan peranan yang berkesan atau untuk bertahan dengan tekanan saingan. Justeru itu, BSN telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun yang diberi kuasa dan fleksibiliti yang lebih untuk membolehkannya menghadapi cabaran yang baru itu. Objektif utamanya ialah:

- (i) untuk menggalakkan dan menggembleng simpanan khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil dan untuk menggalakkan tabiat berjimat-cermat dan menyimpan wang;
- (ii) untuk mengadakan saluran bagi orang awam menyimpan wang;

- (iii) menggunakan wang bank untuk tujuan pelaburan termasuk membiayai perkembangan ekonomi negara; dan

- (iv) untuk memajukan kepentingan pendeposit dan pelanggan-pelanggan yang lain.

Selain daripada itu BSN juga tidak terhad kepada penerimaan dan pembayaran deposit sahaja, tetapi termasuk juga penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang lain, pembukaan cawangan-cawangan dan pelaburan wangnya.

Dalam masa 20 tahun sejak penubuhan, BSN telah bergiat dengan baik bukan sahaja di segi prestasi kewangan tetapi dalam menyempurnakan objektif sosial iaitu menggalakkan simpanan di kalangan penyimpan-penyimpan kecil dan mereka yang berpendapatan rendah untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui amalan berjimat-cermat, menyimpan dan pengurusan kewangan yang kukuh.

Pada masa ini BSN mempunyai 10.5 juta pendeposit dengan jumlah deposit sebanyak RM5.9 bilion. Ia menyediakan lebih daripada 20 perkhidmatan kewangan yang terdiri dari beberapa jenis simpanan, pinjaman GIRO dan lain-lain perkhidmatan yang boleh dikenakan bayaran.

Untuk menyediakan kemudahan kepada jumlah pelanggan yang semakin meningkat, ia telah menambah rangkaian pejabatnya kepada 478 cawangan dan 585 ATM termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

BSN telah menggunakan tahap teknologi yang tinggi untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap, cepat dan boleh dipercayai kepada pelanggannya. Kesemua cawangan-cawangannya mempunyai kemudahan komputer dan disambung secara talian terus kepada pusat komputer. Jumlah tenaga pekerja adalah sebanyak 5,314 kakitangan. Jumlah aset bank pada akhir tahun 1996 adalah sebanyak RM6.9 bilion dengan dana rizab dan keuntungan terkumpul berjumlah RM714 juta. Walaupun pada masa yang lepas prestasi BSN adalah baik, kini tiba masanya bagi kerajaan untuk meneliti struktur dan operasi BSN supaya ia mempunyai asas yang kukuh bagi menghadapi cabaran pada masa depan akibat persaingan pasaran yang semakin meningkat. Di antara faktor yang akan menyumbangkan terhadap persaingan yang lebih hebat dan membawa kaedah pelaksanaan yang baru ialah:

- (i) Proses birokrasi industri kewangan yang sedang berjalan sekarang.

- (ii) Pembukaan bank-bank asing dan institusi di bawah GATTS.
- (iii) Pembangunan pasaran modal sebagai sumber penyediaan alternatif.
- (iv) Perkembangan pesat, perkembangan teknologi dalam bidang perbankan serta sistem kewangan dan infrastruktur.

Dalam hubungan ini kerajaan telah bersetuju bahawa sudah sampai masanya untuk BSN dikorporatkan dan ini akan memberikan BSN organisasi serta rangka undang-undang yang lebih sesuai dan berkesan bagi membolehkannya beroperasi dengan berjaya dalam keadaan pasaran yang kukuh dan agresif. Faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada pengkorporatan BSN adalah seperti berikut:

- (i) pemberian autonomi serta fleksibiliti pentadbiran yang lebih kepada sebuah lembaga serta pengurusan korporat yang akan menyebabkan peningkatan tahap kecekapan, produktiviti dan pembuatan keputusan yang efektif;
- (ii) menyediakan satu rangka korporat yang akan membolehkan kemasukan orientasi serta budaya perniagaan dan pemasaran yang lebih hebat, yang akan memberi penekanan kepada perkhidmatan berkualiti tinggi, inovasi produk dan strategi pemasaran serta program jualan yang efektif;
- (iii) menyediakan satu struktur korporat yang akan membawa kepada penerimaan tahap serta amalan komersial terutamanya dalam bidang pengurusan kewangan dan perakaunan yang akan membolehkan pemerhatian yang berkesan ke atas pengawalan prestasi dan keuntungan;
- (iv) menyediakan satu organisasi korporat dengan program pendapatan dan pembangunan kerjaya yang berkaitan yang akan menyokong pengambilan serta penjagaan tenaga pekerja yang berkebolehan dan bertanggungjawab, yang mana lebih beraksi kepada tuntutan pasaran dalam menghadapi cabaran pembangunan dan persaingan; dan
- (v) menyediakan suatu struktur korporat yang akan membolehkan penubuhan anak-anak syarikat pengambilalihan syarikat, penyatuan syarikat dan lain-lain langkah

korporat yang akan membolehkan BSN membangun dan berkembang dengan mengambil peluang-peluang perniagaan yang mungkin wujud dari masa ke semasa.

Pada 12 Oktober 1994 Jemaah Menteri telah memutuskan supaya BSN dikorporatkan melalui penubuhan sebuah syarikat yang bernama BSN Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan dan ia akan diawasi oleh satu akta khas iaitu Akta BSN Berhad 1997, yang menggantikan Akta BSN 1974. Sebahagian dari ciri-ciri utama akta yang baru adalah seperti berikut:

- (a) objektif sosial untuk menggalakkan simpanan, pelaburan dan pengurusan kewangan yang mapan di kalangan masyarakat umum bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf ekonomi mereka masih dikekalkan;
- (b) berlainan daripada institusi kewangan yang lain, yang beroperasi di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan (ABIK) dan dikawal Bank Negara, BSN akan beroperasi di bawah Akta Parlimennya sendiri iaitu Akta BSN 1997 dan dikawal oleh Menteri Kewangan. Ini adalah kerana struktur dan *Modus Operandi* serta polisi pelaburan BSN berbeza dari institusi kewangan di bawah kawalan Bank Negara terutamanya kerana penekanan yang diberi kepada peranan sosialnya. Oleh itu, tidak mungkin bagi BSN untuk menepati secara keseluruhannya akan kesemua peruntukan ABIK dalam jangka masa yang pendek. Walau bagaimanapun, di mana sesuai peruntukan-peruntukan ABIK telah pun dimasukkan di dalam Akta BSN Berhad supaya ianya berada pada rangka kawal selia yang sama dengan institusi kewangan yang lain di negara ini;
- (c) skop aktiviti perniagaan yang boleh dilakukan oleh BSN telah diperluaskan untuk membolehkannya melayani kumpulan pelanggan sasaran terutamanya individu dengan lebih berkesan dari segi amalan dan kehendak masa kini;
- (d) syarat-syarat mengenai pelaburan telah dikemaskinikan untuk memberikan BSN lebih fleksibiliti dalam pelaburannya supaya ia dapat mencapai keuntungan dan memperkukuh kedudukan kewangannya; dan

- (e) jaminan kerajaan terhadap deposit-deposit dengan BSN dan lain-lain keutamaan telah dikeluarkan.

Pada keseluruhannya akta ini membolehkan pengkorporatan BSN dengan memperuntukkan pemindahanmilik serta perletakhakan segala harta, hak dan liabiliti BSN dalam suatu syarikat yang bernama BSN Berhad.

Pengkorporatan BSN akan memberinya keupayaan untuk beroperasi dengan lebih berkesan, lancar, cekap dan fleksibel dalam situasi persaingan pasaran yang semakin meningkat.

Motivasi untuk mengkorporatkan BSN adalah untuk membaiki prestasi perkhidmatan dan kewangannya, ia juga bertujuan untuk memperkukuhkan BSN dalam keadaan pasaran yang dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional pada suatu syarikat dengan nama Bank Simpanan Nasional Berhad dan bagi pengawalseliaannya; dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Ledang.

5.00 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada BSN di atas kejayaannya. Sejak ditubuhkan kira-kira 22 tahun yang lalu dan kini sedang mengatur langkah dengan penuh yakin ke arah pengkorporatan dan seterusnya penswastaan. Dengan pembentangan Rang Undang-undang BSN Berhad pada hari ini di Dewan yang mulia ini, jelaslah harapan itu telah menjadi kenyataan. Kita menyokong rang undang-undang ini berdasarkan kepada kejayaan dan kemampuan yang telah diperlihatkan oleh BSN dan anak-anak syarikatnya seperti Permodalan BSN Berhad,

kejayaan Skim GIRO, Skim Sijil Simpanan Premium dan tidak kurang pentingnya ialah kejayaan BSN menyahut seruan kerajaan dalam usaha memperluaskan sistem perbankan secara Islam.

Melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) melalui simpanan Al-Wadiah, Skim Pelaburan Am Al-Mudarabah dan lain-lain. BSN juga boleh berbangga mempunyai rangkaian perkhidmatan yang luas, iaitu 479 cawangan dan 589 ATM di seluruh negara pada tahun 1995 dan mungkin akan bertambah lagi di tahun-tahun akan datang. Kesemua ini jelas memperlihatkan keupayaan BSN untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdaya maju dan mampu menempah kejayaan yang lebih cemerlang lagi sebagai Bank Simpanan Nasional Berhad di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin skim perkhidmatan dan skim simpanan yang ada akan terus dikekalkan dan dimantapkan dan skim perkhidmatan yang baru akan diwujudkan di bawah BSN Berhad ini. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita menggalakkan rakyat supaya menyemai tabiat menabung dan sekali gus membantu mengurangkan kadar inflasi negara. Oleh itu, kita amat mengharapka walaupun BSN akan menjadi sebuah badan korporat, di samping mengharapka BSN Berhad memantapkan lagi prestasi kewangan dan perkhidmatan dan menjadi lebih competitive, dengan izin, kita juga mengharapka BSN tidak akan lupa dan mengabaikan tanggungjawab sosialnya.

Misalannya, Skim Galakan Simpanan Pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di seluruh negara, ini juga perlu diperhebatkan bukan sahaja dari segi peningkatan bilangan penyimpannya, malah dari segi jumlah simpanannya. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya setakat ini berapa ramaikah bilangan penyimpan-penyimpan remaja ini bagi seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri dan berapakah jumlah keseluruhan simpanan daripada golongan ini, dan apakah langkah BSN Berhad dalam usaha memperhebatkan kempen galakan menabung kepada pelajar-pelajar sekolah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa lega dan bangga kerana BSN juga terlibat membantu mengangkat taraf pelajaran negara dengan menyediakan Skim Pinjaman Pelajaran. Adalah diharapkan BSN Berhad akan dapat meneruskan usaha yang baik ini. Cuma saya ingin penjelasan iaitu setakat ini berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk pinjaman pelajaran ini dan berapa ramai yang telah mendapat faedah daripada

skim ini? Selaras dengan langkah kerajaan mengkorporatkan universiti-universiti, kita berharap BSN Berhad akan terus meningkatkan jumlah dan keupayaan Skim Pinjaman Pelajaran ini supaya lebih ramai pelajar-pelajar kita berpeluang mendapat faedah pinjaman daripada skim ini untuk meneruskan pengajian mereka ke universiti-universiti. Lebih-lebih keutamaan harus diberikan kepada pelajar-pelajar aliran Sains sebagai galakan kepada pelajar-pelajar aliran tersebut. Langkah ini sekali gus akan dapat membantu mengatasi kekurangan para saintis yang amat diperlukan oleh negara yang sedang mencipta nama sebagai sebuah negara industri yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akan menjadi BSN Berhad, kita harap bank ini akan terus komited dengan program kebajikannya, khususnya terhadap kakitangannya yang seramai 5,136 orang di seluruh negara itu. Misalannya, di samping memberikan latihan seperti training for trainers, kursus kecemerlangan diri, stress management dan lain-lain, kita juga berharap BSN Berhad memberi peluang untuk kakitangannya terutama sekali di peringkat bawahan untuk mendapatkan latihan lanjutan ataupun second chance dalam bidang pengurusan perbankan supaya bukan sahaja mereka dapat berkhidmat dengan penuh cemerlang, tetapi juga memungkinkan mereka diberi peluang untuk meningkat ke peringkat yang lebih tinggi dari masa ke semasa dan tidak terus berada di takuk yang sama sehingga mereka penacen.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan, iaitu BSN mempunyai perkhidmatan International Guarantee GIRO Order (IGGO). Melalui perkhidmatan ini, rakyat Indonesia yang bekerja di Malaysia boleh mengirim wang kepada keluarga mereka di Indonesia. Saya harap dapat diberikan penjelasan. Selain daripada hubungan dari perkhidmatan ini apakah hubungan perniagaan lain yang dijalin dengan Bank Tabungan Negara Indonesia. Dan apakah BSN Berhad nanti bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan yang sama dengan Bangladesh dan lain-lain negara yang ramai rakyatnya bekerja di sini supaya BSN Berhad nanti akan mempunyai rangkaian kerjasama dan hubungan perniagaan yang lebih luas dan rapat dengan negara-negara tersebut di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mendapatkan penjelasan, iaitu bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh golongan bukan Islam terhadap Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)?

Satu skim yang jelas membuktikan tentang kesungguhan dan kemampuan Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO menerapkan nilai-nilai Islam dalam usaha pentadbirannya. Malah sekali gus menyangkal dakwaan pihak PAS yang sering mendakwa bahawa perjuangan UMNO sentiasa berlandaskan kepada fahaman nasionalisme yang sempit ataupun asabiah. Sedangkan apa yang diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya UMNO selama ini dan akan datang bukan sahaja untuk kepentingan Melayu dan orang Islam, malah turut dimanfaatkan dan diterima dengan baik oleh golongan bukan Islam. Ini merupakan satu cara yang cukup berhemah dan berhikmah untuk menonjolkan Islam sebagai agama yang syumul dan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya akhiri ucapan ini dan saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

5.08 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dapat membentangkan satu rang undang-undang ini, iaitu Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional. Saya menyokong rang undang-undang ini bagi Akta Bank Simpanan Nasional Berhad ini kerana pengkorporatan BSN adalah bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi kewangan, mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan menyediakan asas bagi penyelenggaraan pertumbuhan dan menghadapi persaingan di dalam suasana pasaran bebas.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan akta khas ini sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak kerajaan bermakna BSN yang dikorporatkan tidak diletak di bawah kawalan Bank Simpanan Nasional Malaysia melalui Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, tetapi di bawah kawal selia Menteri Kewangan. Ingin saya menyatakan sebagai badan kewangan negara sama ada Bank Negara ataupun pihak lain yang tertentu semasa melaksanakan polisinya perlu mengambil kira kesan sebenar pelabur-pelabur. Di sini saya ingin mengemukakan satu contoh, satu kejadian yang berlaku di negara kita, kerana Bank Negara telah mengakibatkan kejatuhan harga bursa saham dalam KLSE. Baru-baru ini, Bank Negara telah mengambil tindakan untuk menyusun semula sumber kewangan ke arah mempertingkatkan produktiviti dan perkhidmatan

khas untuk menyekat pinjaman berlebihan dalam pelaburan hartanah dan saham.

Langkah ini merupakan objektif yang bijak. Akan tetapi, langkah-langkah implementasi yang diumumkan pada 28hb. Mac ini hanya mampu memberi keterangan secara mendalam sehingga seminggu selepas pengumuman tersebut. Ini telah membuat bursa saham turun secara mendadak. Penjelasan hanya diberikan oleh Bank Negara selepas kejatuhan tersebut dalam KLSE, dan setakat ini sebanyak RM100 bilion kapital pasaran telah hapus. Ini membuktikan bahawa Bank Negara tidak profesional dan langsung dalam menyebarkan informasi berkaitan dengan garis panduannya yang menyebabkan kecemasan dan keraguan.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab sama ada kepada badan kewangan negara seharusnya melaksanakan polisi baru mengikut peringkat dan memberikan masa yang mencukupi dan penerangan yang jelas kepada pelabur-pelabur. Kegagalan Bank Negara untuk memberi sebarang amaran awal dalam perkara ini amat dikesali dan juga telah menyebabkan kekhuatiran negatif yang tidak diingini terhadap polisi baru Bank Negara yang tidak jelas itu.

Langkah Bank Negara yang memilih mempertaruhkan kegagalan dahulu dan menjelaskannya kemudian adalah tidak wajar diadakan tidak dapat diterima langsung, kerana kegagalan dan kerugian telah berlaku. Sebagai penasihat kewangan negara yang terunggul terhadap sistem kewangan negara yang seharusnya membina struktur kewangan yang lebih kukuh, tetapi sebaliknya Bank Negara telah menyebabkan pelabur-pelabur hilang keyakinan mereka terhadapnya dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya meminta supaya badan kewangan negara harus lebih sensitif dan lebih berpandangan semasa melancar dan melaksanakan polisi-polisi kewangan ataupun ekonomi negara bagi mengelakkan sebarang pertikaian yang tidak patut ditimbulkan. Dengan kata-kata ini, saya ingin memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

5.12 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional Berhad 1997 yang telah

dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Antara lain ialah bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan Bank Simpanan Nasional dalam keadaan pasaran sekarang dan akan datang serta bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi kewangan, mutu perkhidmatan dan menyediakan bagi pertumbuhan dan menghadapi persaingan di dalam suasana pemasaran bebas yang akan datang.

Saya ingin mendapat beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dengan adanya rang undang-undang ini apakah bentuk perubahan yang akan berlaku untuk mengukuhkan bank tersebut, pertama dari segi aspek operasi, berasaskan kepada penyata kewangan dan laporan kewangan tahun 1997 iaitu 31hb. Disember, saya dapati bahawa pengurusan banking asset oleh BSN agak konservatif dengan sebahagian besar aset berjumlah RM6 bilion lebih, sebahagian besarnya iaitu 56.48% adalah di dalam bentuk pelaburan sekuriti yang membawa pulangan yang begitu kecil, berbanding dengan pinjaman sebanyak 18%. Ini berbeza dengan bank-bank lain di mana pinjaman akan merupakan banking asset terbesar di dalam bank-bank perdagangan.

Dengan sebab itu, saya dapati bahawa di dalam akaun untung rugi bank tersebut, pendapatan daripada banking asset tidak begitu besar. Malahan pendapatan bersih selepas cukai sebanyak RM64 juta yang diperolehi pada tahun tersebut sebahagian besar adalah dibantu oleh penjualan saham yang mendapat keuntungan sebanyak RM90 juta. Ini bermakna bahawa sebahagian besar pendapatan ataupun yang membantu kepada keuntungan besar ini adalah datang daripada non-banking operation, dan ini tidak begitu sihat bagi sebuah banking operation.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah dengan pindaan ini nanti ada pengubahsuaian dari segi pengurusan dan banking asset, di mana penekanan akan diletakkan kepada pinjaman dan lain-lain banking asset untuk mendapat keuntungan daripada banking operation. Saya juga dapati bahawa dari segi pinjaman, jikalau bank perdagangan sebahagian besar pinjaman adalah kepada syarikat-syarikat korporat, bagi Bank Simpanan Nasional, pinjaman kepada korporat hanya 13% dan sebahagian besar pinjaman, iaitu 86.52% adalah kepada individu, dan sebahagian besar pinjaman tersebut adalah untuk pinjaman perumahan. Adakah kaedah ini akan dikekalkan?

Saya berpendapat bahawa memandangkan bank simpanan adalah satu-satunya bank yang menumpukan perkhidmatan kepada pelabur-pelabur kecil ataupun golongan berpendapatan rendah, struktur ini harus dikekalkan. Malahan dari segi pinjaman, Bank Simpanan Nasional harus berusaha untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana, kerana di dalam sistem banking kita tidak banyak bank yang memberi keutamaan kepada golongan-golongan ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh mengenai dengan kualiti pinjaman. Kerana dalam laporan tahunan, saya dapati bahawa peruntukan hutang ragu telah bertambah daripada RM13 juta pada tahun 1994 kepada RM19.7 juta pada tahun 1995. Kalau kita bandingkan dengan pertambahan pinjaman yang telah bertambah sebanyak 12.8%, pertambahan peruntukan hutang ragu adalah sebanyak 48.1%. Ia tidak selaras dengan pertambahan pinjaman. Ini bermakna bahawa kualiti pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional agak menurun jika dibandingkan dengan tahun 1994. Apakah dengan adanya rang undang-undang ini dan Bank Simpanan Nasional Berhad beroperasi di bawah rang undang-undang tersebut nanti, kualiti pinjaman akan meningkat.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menyatakan dari segi struktur ekuiti Bank Simpanan Nasional Berhad, berapakah jumlah modal berbayar. Adakah semua rizab yang kalau mengikut tahun 1995, tentu telah meningkat kepada tahun 1996 sebanyak lebih kurang RM633 juta? Adakah keseluruhannya ini akan ditukar dalam bentuk ekuiti yang akan dipegang nanti oleh Kementerian Kewangan?

Saya juga ingin bertanya mengenai dengan satu perkara yang telah ditulis dalam sinopsis ini. Ia menyatakan walaupun begitu, bagi menyesuaikan diri untuk diletakkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (ABIK) kelak, maka beberapa peruntukan tertentu di bawah ABEK telah disesuaikan di dalam akta ini. Kalau berasaskan kepada kenyataan ini, saya dapat membayangkan bahawa Bank Simpanan Nasional pada peringkat ini akan dikorporatkan, tetapi mempunyai tujuan untuk diswastakan pada satu tempoh yang akan datang. Dengan sebab itu, kerajaan telah pun menyesuaikan akta ini untuk bila tiba waktunya nanti, ia akan diletakkan di bawah ABEK.

Persoalannya, adakah betul atau tidak kenyataan saya dan bilakah jangkanya nanti dan bagaimanakah

struktur ekuitinya nanti? Adakah sebahagian besar akan dipegang oleh kerajaan ataupun pihak swasta ataupun bumiputera dan bukan bumiputera? Perkara-perkara ini saya ingat merupakan perkara penting, kerana kita harus ingat Bank Simpanan Nasional adalah bank tabungan terbesar di dalam negara kita, dan mereka yang menabung adalah terdiri daripada sebahagian besarnya dari golongan berpendapatan rendah serta kaum bumiputera. Kalau struktur ekuitinya berubah, maka saya percaya bentuk bank ini akan turut berubah. Dan adakah apabila ia diswastakan nanti akan berubah dari segi tujuan asal penubuhannya, yang mana kita sedar adalah untuk berkhidmat bagi kepentingan golongan berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah.

Di dalam akta ini ada juga ditulis satu fasal mengenai peruntukan berhubung dengan kakitangan yang menyatakan bank akan menerima semua pekerjaannya pada tarikh yang ditetapkan. Setiap orang, selepas tarikh-tarikh itu ialah anggota kakitangan Bank Simpanan Nasional. Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa bank ini akan mengalami satu transformasi dari segi struktur operasi serta struktur korporatnya. Maknanya ia akan meningkat dari segi keperluan kepakaran dan kecekapan kepada kakitangannya. Adakah kakitangan sekarang yang sudah biasa dalam operasi sekarang, ini agak konservatif sedikit, adakah mereka sesuai dalam suasana baru? Adakah mereka nanti akan ditemuduga atau terus diserapkan? Dan jikalau pada masa mereka diserapkan didapati kakitangan tidak sesuai dalam suasana yang baru, apakah yang akan berlaku?

Mengenai dengan soal kepakaran dan kecekapan, saya ingin menyentuh bahawa saya berpendapat sistem banking termasuk Bank Simpanan Nasional Berhad harus mempunyai satu sistem ataupun institusi latihan yang terunggul dalam rantau ini. Sebelum saya menjadi Ahli Parlimen, saya pernah bekerja di The Chase Manhattan Bank dan Bumiputera Merchant Bankers, dan saya dapat lihat perbezaan di antara American Bank dengan local bank. American Bank, baik BOA, FNCB atau The Chase Manhattan Bank, mereka mempunyai training centre yang dipanggil sebagai Asia Credit Training Centre, iaitu satu di Hong Kong bagi The Chase Manhattan Bank dan FNCB serta BOA di Manila. Saya didapati bahawa daripada kursus-kursus yang dijalankan selama enam bulan di sana, ia telah membawa satu sistem yang agak lebih unggul dan

lebih tinggi daripada sistem bank perdagangan mahupun bank saudagar di dalam negara kita.

Saya melihat bahawa dengan adanya GATTS, kita akan membuka ruang sempadan negara kita kepada bank-bank luar negara. Persaingan nanti akan menjadi begitu pesat, dan yang akan menentukan survival adalah kepakaran dan kecekapan kakitangan kita. Dalam pengalaman saya bekerja di bank tempatan, saya dapati bahawa cara analisis mereka terhadap penyata kewangan, kredit dan sebagainya begitu cetek. Saya berpendapat perlu diberikan penekanan kepada masalah ini. Saya berpendapat Bank Simpanan Nasional Berhad pada peringkat ini boleh mengadakan perjanjian dengan bank-bank tersebut untuk menghantar kakitangan sama ada di Asia Credit Training Centre atau di head office di Amerika.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Penjelasan. Saya dapati bahawa salah satu kesangsian oleh Yang Berhormat dari Tambun adalah tentang profesionalisme Bank Simpanan Nasional itu sendiri. Apakah Yang Berhormat bersetuju jika itu masalahnya adalah lebih baik kalau BSN ini disatukan atau dicantum dengan bank-bank perdagangan lain yang lebih menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya tidak menyatakan kesangsian saya. Kalau berasaskan kepada penyata kewangan, Bank Simpanan Nasional telah pun memperolehi keuntungan. Saya membuat perbandingan melihat kepada masa hadapan, bagaimanakah kita hendak bersaing dengan bank-bank yang besar yang mempunyai pengalaman beratus tahun dalam keadaan industri kewangan global yang berbeza dengan kita, pada hal kita tidak mempunyai pengalaman tersebut. Dan yang akan menjadikan, yang akan menjamin dan memastikan kejayaan kita adalah kita mempunyai kakitangan dan personel yang tahapnya sama tinggi dengan kakitangan-kakitangan daripada bank luar, sebagaimana saya menyatakan saya mengambil contoh beberapa bank di Amerika.

Dari segi sama ada Bank Simpanan Nasional patut atau tidak untuk bercantum, saya ingat bukan pada tahap kita untuk menentukan. Sekiranya Bank

Simpanan Nasional mempunyai niat untuk bercantum, pengurusan bank patut membuat study tersebut kerana mereka mempunyai fakta yang penuh. Macam saya mempunyai fakta tahun 1995, tak cukup untuk saya membuat kajian, tetapi saya gunakan juga kerana ini terakhir yang diberi kepada Parlimen yang saya perolehi. Kalau sama ada kita bercantum atau tidak, secara objektifnya dapat ditentukan oleh pihak pengurusan Bank Simpanan Nasional kerana saya percaya mereka lebih tahu dengan maklumat-maklumat yang lebih baik yang mereka ada.

Saya ingin menyentuh seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya menekankan dari segi sektor perkhidmatan yang akan menentukan sama ada ia mempunyai competitive age atau leading age adalah kepakaran dan kecekapan kakitangannya dan saya menyentuh juga bahawa adalah penting untuk sistem latihan dan institusi latihan yang terbaik di rantau ini ditubuhkan oleh Bank Simpanan Nasional.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang soal tabungan. Kita memang maklum bahawa tabungan negara kita antara yang tertinggi di dunia. Tetapi oleh kerana kita dapati perbelanjaan rakyat kita begitu tinggi, dan kegunaan kad-kad kredit berleluasa, jadi saya ingin bertanya, apakah rancangan seterusnya oleh pihak Bank Simpanan Nasional untuk mengadakan promosi bagi meningkatkan lagi penyimpanan tabungan rakyat daripada kanak-kanak di peringkat sekolah lagi hingga kepada orang dewasa? Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yan.

5.20 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dua puluh tahun yang lalu pemimpin kita memandang jauh, dan hari ini setelah Bank Simpanan Nasional sampai ke tahap 20 tahun, kita hendak ubah satu lagi, hendak memperbesarkan, memperkukuhkan, memperkuat lagi Bank Simpanan Nasional ini dan dinamakan Bank Simpanan Nasional Berhad. Kita seharusnya mengucapkan terima kasih kepada pengerusi pertama sampailah pengerusi hari ini, iaitu Yang Berhormat dari Bagan Datok yang telah menerajui Bank Simpanan Nasional dan mencatatkan keuntungan yang baik. Memang kena pada tempatnya kalau tidak silap sejarah, beliau biasa berkhidmat dengan Bank Simpanan Nasional dahulu sebagai Penolong Pengurus. Tetapi hari ini Tuhan

angkat dia jadi Pengerusi. Alhamdulillah, bolehlah elaun RM3,000 tetapi Pengerusi Bank itu heboh marah, itu dikira murah kena tambah. Bila jadi berhad kena tambahlah. Pengerusi FAMA lebih-lebih lagi. Itu tak mengapa, rezeki Tuhan bagi. Sebanyak mana Tuhan beri kita ambil, jangan kira sangat. Tunggu yang besar, yang kecil tak ambil nyalah. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kalau boleh ingin melihatlah setelah bank ini dijadikan di bawah jagaan Menteri Kewangan dijadikan Bank Simpanan Nasional Berhad, bank ini kalau boleh difokus kepada mewujudkan Melayu di peringkat pertengahan. Sekarang ini kita didapati Perdana Menteri kita meluahkan satu kebimbangan, iaitu kekurangannya kewujudan Melayu di peringkat pertengahan. Jadi, dari segi perniagaan-ekonomi, dari segi pendidikan, dari segi pelajaran dan sebagainya saya kira bank ini boleh fokus kepada pengwujudan Melayu peringkat penengahan ini. Kita hendak kalau boleh bank ini berjihad ke arah itu, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang ada sekarang dan memperluaskan lagi.

Tetapi kita kena adakan satu matlamat sekurang-kurangnya ada bank di mana orang Melayu di peringkat pertengahan ini dapat bersandar. Jadi, saya percaya penuh dengan pengerusi hari ini, kalau boleh bila sudah jadi berhad nanti beri dia sambunglah, jadi Pengerusi eksekutif pula. Jadi, baru kena pada tempatnya. Kalau kita hendak salin sekerat jalan tidak kena, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang datang itu tak erti, yang lama belah pula, lingkup habis. Jadi, biar perbetul sedikit-sebanyak, selepas itu berilah Pengerusi Eksekutif. Bila Pengerusi Eksekutif, elaunnya pun lebihlah sedikit, bolehlah belanja kawan-kawan semua. *[Ketawa]* Ini di kantin Parlimen pun tak lepas, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Melawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita wujudkan bank ini. Dan di samping itu, saya haraplah kalau boleh Bank Simpanan Nasional ini menjadi 'land bank' kepada tanah-tanah simpanan Melayu. Inilah saya harap kalau boleh bank ini tolong, fasal hari ini kadang-kadang orang-orang yang ada tanah simpanan Melayu, dia tak tahu hendak pi tang mana, dengan perkara yang tak berpatutan dan sebagainya, jadi, dia hendak bangun tak boleh. Sebab itu, kadang-kadang depa tak bangun dalam negeri, depa pi bangun di negeri lain. Pi sampai Kemboja dan sebagainya. Baguslah itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang sudah ada pun tak boleh hendak buat kerana terhad.

Jadi, saya harap kalau boleh Bank Simpanan Nasional ini, kita beri sedikit khusus kepada membangunkan tanah-tanah simpanan Melayu dan sebagainya dan kita harap dengan pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu lagi tugas yang baik, yang akan dikenang oleh anak cucu iaitu Bank Simpanan Nasional ini dia membantu untuk membangunkan tanah-tanah simpanan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, selalu bila doa orang ini Tuhan akan makbul, barulah pengerusi dia pun akan naik lebih tinggi dan sebagainya kan? Kemudian pegawai-pegawai dia pun akan berasa puas hati kerana bertugas di sini. Kerana set-up Bank Simpanan Nasional ini cukup baik, dari segi pemasaran, kemudian sosialnya inilah satu-satu bank yang membuat ceramah perdana. Hah, bank lain tak buat Tuan Yang di-Pertua, bank ini dah buat, saya ucapkan syabas! Surat khabar 'cover' sedikit ini, kasihan kepada depa ini, 'cover'lah apa yang saya kata kan? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, depa buat sosial dan sebagainya. Jadi, ini yang kita mahu, keuntungan kita dapat, kita laburkan balik dengan syiar Islamnya, perkembangannya dan sebagainya, jadi, yang ini baik. Jadi, orang pun berasa seronok. Ini strategi pasaran depa, Tuan Yang di-Pertua, jadi, bagus.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja depa pun, tak percaya masuk, tengok semua manis-manis belaka. Bank Simpanan Nasional ini kalau masuk hak yang wanita itu senyum-senyum 'ho - ho' berseri belaka! Hak lelaki pun handsome belaka! Pi bank dia kadang-kadang ranum juga, Tuan Yang di-Pertua, hendak buat macam mana, depa pakai pun dah elok, ini strategi berniaga. Pengerusi depa pun bagus Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya harap dari segi pegawai-pegawai pun macam itu juga, depa sudah jadi bank ini, macam mana cara depa. Saya ingat kalau gaji patut naik, naiklah sedikit, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, depa tengok balancesheet hujung tahun untung banyak. Bila untung banyak kadang-kadang kita kena bayar cukai dan sebagainya. Apa salahnya kita ambil keuntungan ini, agih mereka sedikit sebanyak sebagai bonus dan sebagainya kepada pekerja-pekerja bank, jadi depa seronok. Kerja malam sedikit pun tak apa.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau kita tanya pegawai bank, mana yang mereka mahu sama ada bonus ataupun 'overtime', dia kata: "Bonus". "Overtime sedikit sahaja." kata mereka, kalau bonus banyak. Sekurang-kurangnya dapat, kadang-

kadang bank itu beri sampai lima, enam bulan bonus, bolehlah mereka beli sesuatu.

Jadi, ini satu ganjaran yang kita kena tengok, Tuan Yang di-Pertua, dalam berniaga ini, kalau saya tauke, saya ada duit, saya buka kilang tetapi pekerja kalau tak buat kerja, lingkup saya!

Jadi, modal itu bukan bermakna boleh mendatangkan keuntungan, dia bergantung balik kepada tenaga pekerja. Kalau tenaga kerja letih, maka balancesheet letih. Kalau tenaga kerja bagus, balancesheet dia bagus. Jadi, hak ini saya hendak peringatlah, la ni kita hendak perbadankan, hendak 'corporatise'kan, swastakan bank ini, lepas itu kita hendak privatise. Bila hendak privatise, Tuan Yang di-Pertua, kena ingat, ni hak dok 'pugak' ni. Orang Kedah kata hak dok 'pugak', hak yang dok menanam dalam bendang ini Tuan Yang di-Pertua, hak yang dok buat kerja hari ini, kadang-kadang bila mai hendak swasta, Tuan Yang di-Pertua, beza depa dapatlah 10%, takkan kasihan depa, Tuan Yang di-Pertua, berpuluh tahun, ini sudah 20 tahun, kot nak privatise selepas sepuluh tahun pula atau lima tahun hendak privatise ataupun hari ini kita korporat, esok hendak privatise, tak tentu lagi. Lepas itu kita kena kira, Tuan Yang di-Pertua, kasihanlah yang 20 tahun ini, daripada anak dara masuk pi

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan bangun ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dan pandangan dari sahabat, kawan yang karib saya itu dari Yan memberi 'pendapatan' tentang cabutan hadiah bertuah oleh Bank Simpanan Nasional sehinggakan hadiah pertama, sebuah Mercedes Benz, apakah pandangan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak perbetul sahabat karib ini 'pendapat' bukan pendapatan. [Ketawa] Perbetulkan sahaja ya, jangan kecil hati ya. Hendak perbetul bahasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, memang ini strategi berniaga. Kalau saya duduk di situ Mercedes yang 500 SEL itu yang saya beri, hendak menarik orang lagi supaya mereka melabur, dia pesan pada anak dia: "Hang buka akaun ini, ini hendak beli kereta besar, hendak beli tak ada duit ini, kalau nasib baik, dapat ini!"

Jadi, baguslah cara ini dibuat. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan, ini adalah strategi yang saya kira terima kasihlah dan kalau boleh bank yang lain-lain pun berbuat begitu juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita pun bolehlah cuba nasib, kadang-kadang teringin juga hendak pakai kereta besar ini, Tuan Yang di-Pertua, 320 S, duduk di belakang sampai tak terasa, tau-tau sampai sahaja, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Jadi, kita teringin juga, kan? Hendak beli tak mampu, harap dengan elaun kita, Perodua baru lepas, Tuan Yang di-Pertua, baru Perodua sahaja, kalau 'loan' wakil rakyat, Tuan Yang di-Pertua? Sakit pinggang sampai Kuala Lumpur daripada Alor Setar. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya minta lagi satu, lembaga pengarah ini kalau bubuh, bubuhlah orang yang ada vision. Kadang-kadang lembaga pengarah ini saya hendak mintalah jangan bubuh hak yang dah banyak sangat. Kadang-kadang seseorang itu, Tuan Yang di-Pertua, sampai dekat sepuluh lembaga pengarah, mana nak dan fikir ini, otak satu sahaja! Tak dan! Hendak baca minit pun tak ada masa. Masuk-masuk mesyuarat, dia tanya chairman syarikat itu: "Apa dia ini, kita dok bincang apa?" Pada hal orang nak buat keputusan dah, dia tanya hendak bincang apa?

Tuan Yang di-Pertua, ada yang begitu, jadi pilihlah, banyak ini dok ada. Dalam Dewan Rakyat ini usah kiralah, Tuan Yang di-Pertua, tolak Pembangkang hak lain semua boleh! [Ketawa] Dak, sungguhpun!

Tuan Yang di-Pertua, semua boleh belaka ini, itu Tambun pun boleh, Bukit Mas hendak tumpang sama - tak apa, boleh! Yan tak apalah Tuan Yang di-Pertua, dok biasa sangat dah, yakah? Yan tak kisah, boleh tak apa, tak boleh pun tak apa.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi, berilah kepada hak mana yang tidak ada lagi, supaya depa dapat fikir macam mana hendak bangunkan Bank Simpanan Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sungguhpun dia itu cerdik, tetapi kalau terlampau banyak dia tak dan fikir, manusia, Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau tak dan fikir, lama-lama prestasi bank akan menurun. Jadi, kita ambil lembaga pengarah yang berkemampuan, ketelusan, yang bersih, cekap dan amanah untuk hendak jaga. Maklumlah, ini duit rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya minta kalau boleh, dari segi biasiswa. Yang ada hanya pinjaman,

tetapi kena juga diberi biasiswa, terutama sekali kadang-kadang, saya hendak cadangkan kalau boleh, kalau Bank Simpanan Nasional kata, strategi pasaranlah ini, 'kalau saudara-saudara melabur, budak-budak sekolah melabur sekian-sekian tahun', katalah dia masuk Darjah I mula melabur dah, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekian-sekian umur dengan pendidikan yang bagus, Bank Simpanan Nasional akan beri biasiswa kepadanya untuk melanjutkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua tengok, depa punya serbu Bank Simpanan Nasional esok, hendak buka akaun, Tuhan sahaja yang tahu, 'pulun' sungguh, fasal kalau boleh dia kata, hari ini ayah hantar sahaja satu, tidak lama lagi dia akan pergi melanjutkan pelajaran ke luar negeri dengan biasiswa Bank Simpanan Nasional, kalau kelulusan yang baiklah. Tuan Yang di-Pertua, yang ini orang kampung akan terjun mai, fasal di kampung maklumlah, dia hendak melabur sedikit-sedikit, di bandar lainlah, dia buka akaun hari ini RM1,000, di kampung habis-habis kuat pun RM10, itu pun dia puasa seminggu baru boleh buka akaun dengan RM10.

Jadi, saya mencadangkan kalau boleh wujudkan yang ini khidmat sosial terhadap masyarakat, kerana saya tengok la ni, syarikat gergasi ini social commitment, dengan izin, sedikit sangat dan kalau boleh Bank Simpanan Nasional setiap negeri ini ambil satu sekolah jadi sekolah angkat, beri bantuan itu dan ini. Ini hendak harap wakil rakyat beri komputer, mampuslah, teruklah - kan? Beri satu, guru besar bubuh dalam bilik dia, budak-budak tak boleh main juga. Jadi, Bank Simpanan Nasional ini buat satu sekolah angkat di setiap negeri, ini komitmen sosial, insya-Allah, bila dia buat kerja-kerja begini, Tuhan sahaja yang nampak, tak payahlah pihak PAS dok keriau 'pung-pang', 'pung-pang', kita dok buat dah hak ini. Macam di Kedah dia sembelih lembu 1,000 ekor, PAS seekor pun tak sembelih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, 1,000 ekor sembelih lembu korban dan lembu-lembu ini dia simpan dalam peti ais, kemudian setiap hari Jumaat di setiap masjid di negeri Kedah akan dihantar oleh Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO untuk diberikan kepada fakir miskin yang pi sembahyang subuh, kalau fakir miskin, miskin ibadat tak dapat, tetapi fakir miskin yang pi sujud sejadah hari Jumaat di setiap masjid dapat seorang sekilogram, dia tak kira PAS atau UMNO, dia kira miskin. Itu dia yang Kerajaan UMNO baik atau tak baik. Itu pun depa dok kata kita Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kecil hati juga. *[Ketawa]* Ha, sungguh!

Hendak suruh depa bertaubat, depa faham lebih daripada kita, Tuan Yang di-Pertua, tak suruh depa lupa. Jadi, saya hendak peringatlah, makna kita ini masih lagi hari raya korban, Tuan Yang di-Pertua, korbanlah sedikit untuk kebaikan kita. Masa ini kalau PAS berkorban untuk bersama dengan Barisan Nasional, number one, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun. Saya mencadangkan sahaja. Berkorban sedikit untuk kebaikan kita bersama. Usul-usul jangan dibuat kerap-kerap sangat, buat penat kita sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerja yang lain banyak lagi, dok bincang usul yang kecil-kecil ini buat apa?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, yang last satu lagi, jaga elok-elok, jangan jadi macam dua, tiga bank macam Rakyat Merchant Bank. Rakyat Merchant Bank ini tengoklah 'pederas' berapa juta pi mengaku salah, baru denda RM300,000, lagu tu kira berniaga, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak jadi begitu, 'pederas' baik-baik RM3 juta, RM4 juta atau RM50 juta, RM60 juta, pi mahkamah mengaku salah denda RM300,000, hoi lagu tu baik, Tuan Yang di-Pertua. Baiklah, tolak RM300,000 tinggal berapa duit, kerja sedikit duit pun tak ada. Dia kata, aku pi dok negeri lain bukan orang kenal aku. Di Malaysia pun aku bubuh cermin mata hitam betul-betul, orang bukan kenal aku. Pasang janggut sedikit, bubuh misai elok-elok sedikit, orang bukan kenal dia dah, RM300,000 sahaja denda. Jadi, saya ingat benda-benda seperti ini kena diperhatikan. Bank Negara pun kena jaga elok-elok. Ini betul juga tadi sahabat saya ini daripada Senai. Senai ini tiga, empat hari ini batuk sudah hendak keluar darah tu. *[Ketawa]* Main dengan saham, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ada wakil rakyat yang jalan dua 'silinder' pun ada dah.

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak minta penjelasan. Saya ingat yang rasa suka hati Yang Berhormat sendiri, adakah Yang Berhormat bersetuju? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hak yang mana belajar sedikit-sedikit, Tuan Yang di-Pertua, jalan mengenggang pun ada dah ni, dua 'silinder', maklumlah bila share jatuh, kita hendak berniaga tak mengerti, kita wakil rakyat berniaga sakni marah pula orang bukankah? Kemudian kita dok mainlah sedikit-sedikit, kutip sekupang, dua, sua-sua terbakar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hendak minta Bank Negara perbetullah, memang betul prosedur Bank Negara hendak buat itu betul, tetapi, biar bagi kena. Ini Perdana Menteri kita rata luar negeri pi dok panggil pelabur mai Malaysia

bagus, mai-mai terjun 'broom', macam itu, Tuan Yang di-Pertua, taubat depa tak mai dah. Dia beritahu kawan-kawan, 'we are in trouble, don't come', dengan izin, dia beritahu kawan depa di luar negeri, 'don't come, we are in trouble now, we got burn, 100% burn', dengan izin. [Ketawa]

Jadi, hak ini pun, Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara kena perbetullah, janganlah dok buat macam itu. Jadi, katalah dia hendak reduce rate apa semua ini, Tuan Yang di-Pertua, beri grace period, beritahu CO-CO bank ini kita hendak implement yang ini, yang ini. Dah perbetul yang itu elok, depa beritahulah kepada klien-klien, okay, slow down - slow down, we are in trouble now, slow down, depa pun slow downlah. Ini terus 'bruuuak' macam itu, Tuan Yang di-Pertua, hak tak boleh kejam biji mata pun ada ini. [Ketawa] Mati sambil berdiri pun ada, Tuan Yang di-Pertua, terkejut! [Ketawa] Itu hak yang kena bank tuntutan ada pi upah orang pukul diri dia. Itu hendak lari daripada bank, bank dok tuntutan dah. [Ketawa] Kot-kot dia boleh declare insurans, upah orang pukul diri pun ada, Tuan Yang di-Pertua, main dengan duit ini.

Jadi, saya haraplah Bank Negara pun perbetullah. Kemudian Bank Negara la ini Tuan Yang di-Pertua, bila dia tutup cawangan, masalah servis kepada negeri-negeri. Negeri Kedah pun ditutup cawangan Bank Negara, bukan Tuan Yang di-Pertua tak tahu bank bukan main elok, macam piramid di Alor Setar, depa tutup, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hak yang berniaga kecil-kecil ini hendak pi tukar duit siling, tak boleh dah. Kita jangan ingat duit siling ini, depa pun support ekonomi industri kepada negara juga. Depa dok kompelin kepada sayalah. Dia kata, Dato' jadi Ahli Dewan Rakyat, Dewan Perniagaan Melayu pi bercakap ni, Bank Negara tutup, depa pi bank komersial. Bank komersial tak ada masa hendak layan mai kutip tukar duit siling ini.

Jadi, Bank Negara kenalah, ini servis kepada rakyat, perkhidmatan kepada rakyat. Jadi, saya harap Gabenor Bank Negara ini tolonglah kaji balik, jangan dok percaya sangat kepada *feng shui*, [Ketawa] ini percaya kepada *feng shui* peninglah orang, Tuan Yang di-Pertua. Ha, ini *feng shui* bukan boleh dok percaya. Kalau dok percaya kepada *feng shui*, jadi macam inilah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya haraplah Bank Simpanan Nasional ini jagalah elok-elok, cukup bagus dah, saya pun tahniah kepada bank terutama sekali kepada stafnya, pekerja daripada bawah sampai ke atas sampai pengerusi-pengerusi dialah, bagus buat kerja elok dah.

Jadi, dengan amanah yang kita hendak beri hari ini, kita hendak lulus semua, semua hendak sokong, PAS dan DAP pun sokong kan? Depa sokong benda-benda seperti ini, benda baik-baik. Jadi, depa pun hendak sokong, jadi kita jaga bagi elok-elok supaya harapan rakyat, harapan pelabur ini akan dapat kita beri bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mintalah kalau boleh bank ini juga bantu kepada peniaga-peniaga kecil kerana daripada kecil depa naik ke pertengahan dan dari pertengahan depa jadi besar. Jadi, jangan kita dok fikir hak yang besar sahaja. Fasal dia ada cawangan di merata kampung, boleh dikatakan di merata kampung dia ada, 478 cawangan. Jadi, bermaknanya dia boleh bantu dah peniaga-peniaga kecil yang berada di luar-luar bandar, di kawasan-kawasan kampung kecil ini.

Jadi, inilah 'advantage'nya Bank Simpanan Nasional ada, jadi, saya harap dengan dapat bantuan ini kita akan dapat mewujudkan banyak lagi peniaga-peniaga kecil di kawasan-kawasan luar bandar dan insya-Allah, 20 tahun atau 30 tahun ke hadapan depa akan jadi sebagai peniaga di peringkat pertengahan dan ini akan mencapai matlamat kehendak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

5.45 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara dan Laporan Tahunannya 1996 telah menyatakan bahawa mereka telah membuat peruntukan secara am untuk semua bank telah naik sebanyak RM521.8 juta atau 54.8% tahun ini berbanding dengan penurunan sebanyak RM33.5 juta untuk tempoh yang sama pada tahun lepas.

Peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu pula telah naik sebanyak RM906.5 juta atau 61.1% kepada RM2.4 bilion dalam tahun 1996 berbanding dengan penurunan sebanyak RM364.5 juta pada tempoh masa yang sama tahun lepas. Ini merupakan peratus peruntukan berbanding dengan keseluruhan pinjaman secara kasar adalah sebanyak 1.9% pada tahun ini berbanding dengan 1.6% pada tahun lepas. Itu satu peningkatan yang membimbangkan. Keadaan ini dicerminkan dalam akaun kewangan BSN.

Kalau kita meneliti laporan BSN iaitu yang terkini di mana untuk tahun 1995 pendapatan faedah bersih adalah untuk bank, bukan untuk kumpulan, pada

tahun 1995 adalah sebanyak RM153.7 juta berbanding dengan RM133.8 juta pada tahun 1994. Tetapi peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu adalah sebanyak RM6.4 juta untuk tahun 1995 berbanding dengan RM2.4 juta pada tahun 1994. Ini merupakan satu peningkatan hampir tiga kali ganda, iaitu mencerminkan keadaan di mana peruntukan untuk hutang lapuk dan hutang ragu telah meningkat dalam peringkat yang boleh dianggap membimbangkan.

Di antara sebab-sebab yang pernah dinyatakan mengapa BSKL dalam negara kita menghadapi tekanan yang begitu mendesak ialah kebimbangan tentang kualiti/mutu pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank dan peningkatan peruntukan hutang ragu dan lapuk yang naik dengan begitu mendadak tahun ini berbanding dengan tahun lepas dan ia pula timbul di kalangan bank-bank dan juga kewangan bahawa terdapat beberapa institusi kewangan, syarikat kewangan ataupun bank yang mungkin menghadapi masalah kerana masalah hutang lapuk ini mungkin menjadi satu krisis. Oleh sebab itu, saya harap dalam perkara ini pihak kementerian boleh memberikan satu jawapan atau penjelasan tentang betapa seriusnya masalah ini.

Contohnya, adakah benar khabar bahawa salah satu daripada bank yang selalu menghadapi masalah hutang pinjaman yang mereka keluarkan tetapi tidak boleh dapat bayaran balik ialah Bank Bumiputra, kononnya akan menghadapi satu krisis pada masa yang akan datang iaitu hutang lapuk untuk pinjaman tempatan, bukan luar negeri. Pada tahun 80-an skandal BMF sebanyak RM2.5 juta telah menggegarkan negara kita apabila wang begitu besar ini telah dipinjamkan kepada George Tan untuk membiayai perbelanjaannya dalam hartanah di Hong Kong. Tetapi sekarang pula kononnya ada ura-ura yang menyatakan bahawa bank-bank, termasuk Bank Bumiputra juga akan menghadapi masalah hutang ragu dan lapuk. Kalau begitu, saya rasa ini merupakan satu perkara yang amat serius dan besar. Kalau benar, mungkin akan menjejaskan keyakinan orang ramai dan juga pelabur asing ke atas sistem kewangan dan perbankan negara.

Oleh sebab itu, saya harap dalam perkara ini betapa seriusnya masalah hutang pinjaman lapuk dan ragu. Adakah benar bahawa bank-bank sekarang menghadapi masalah mengutip balik pinjaman yang mereka keluarkan pada masa lepas? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasinya dan mengekalkan

keyakinan orang ramai ke atas sistem kewangan? Kalau tidak, saya rasa dengan keadaan BSKL yang begitu tertekan sekarang, kalau ada satu lagi letupan dalam bank-bank kita dalam bentuk pinjaman yang tidak dapat dibayar balik, saya rasa BSKL tidak dapat tahan letupan atau tekanan yang begitu besar seperti ini.

BSN dalam perkara ini pun menghadapi masalah yang sama sungguhpun dalam kenyataannya oleh Pengerusi BSN, Yang Berhormat dari Bagan Datok menyatakan bahawa prestasi kewangan telah meningkat sebanyak 110.2% daripada RM57.4 juta iaitu keuntungan sebelum cukai kepada RM109.7 juta untuk tahun 1995. Sungguhpun begitu, selain daripada perkara peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu yang tinggi, saya harap pihak kementerian boleh memberikan sedikit penjelasan adakah perkara ini serius, juga dalam BSN.

Saya juga tertarik dengan angka-angka yang menunjukkan bahawa satu peruntukan sebanyak RM70 juta telah dibuat. Kalau kita meneliti sekali lagi akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1995 daripada keuntungan kumpulan tahun 1995, keuntungan selepas percukaian untuk tahun 1995, iaitu kumpulan BSN secara keseluruhannya, adalah sebanyak RM70.4 juta selepas percukaian. Tetapi timbul pula satu perkara luar biasa, dengan izin, extra ordinary item sebanyak RM70 juta yang terpaksa ditolak daripada keuntungan selepas percukaian ini yang menjadi baki selepas pengurangan perkara luar biasa atau extra ordinary item ini, keuntungan hanya tinggal RM432,000 iaitu jauh kurang kalau berbanding dengan RM27.2 juta yang diraih atau diperolehi oleh kumpulan BSN pada tahun 1994.

Saya harap perkara ini bolehlah diberikan penjelasan yang lebih lanjut kerana kedudukan kekurangan RM70 juta ini telah menyebabkan kerugian selepas pindahan ke rizab am untuk kumpulan BSN kerugian sebanyak RM19.6 juta. Kalau kita meneliti nota-nota terperinci penyata kewangan, apakah item perkara luar biasa atau extra ordinary item sebanyak RM70 juta, saya baca dalam laporan BSN. Perkara luar biasa, kumpulan 1995, RM70 juta, amaun dihapus kira adalah bersamaan dengan nilai nama atas penyatuan bagi anak syarikat yang tidak disatukan - write off of goodwill.

Saya ingin mendapat tahu apakah 'goodwill' ini yang dimaksudkan kerana RM70 juta adalah satu jumlah yang agak besar. Saya rasa kalau ini boleh menyebabkan kumpulan BSN menghadapi kerugian

keseluruhannya, bukan bank tetapi kumpulannya, saya rasa ini patut diberikan perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab sungguhpun BSN sebagai satu institusi bank telah memperolehi keuntungan.

Pada masa yang sama, saya ingin bertanya, selepas pengkorporatan ini dilaksanakan, adakah BSN akan berfungsi sebagai sebuah bank perdagangan yang biasa? Adakah ia akan membenarkan akaun semasa dibuka, memberikan perkhidmatan seperti bank-bank perdagangan yang lain? Apabila Rakyat Merchant Bankers diambil alih oleh BSN, ia tentulah telah mengambil alih tugas dan urusan merchant banking, iaitu perbankan saudagar. Tetapi untuk fungsi-fungsi bank perdagangan, adakah ia akan juga diambil alih oleh BSN?

Tentang pasaran, perniagaan atau perdagangan dalam money market transaction, adakah BSN juga akan terlibat dalam pasaran modal wang dana dan juga tukaran wang asing (forex market) selepas pengkorporatan ini? Adakah ia akan diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada perkara-perkara lain, saya rasa BSN telah memenuhi satu keperluan khususnya di luar bandar untuk mendapat perkhidmatan-perkhidmatan perbankan yang tidak wujud di kawasan tersebut kerana dari segi keuntungan bank-bank perdagangan tidak berminat pergi ke kawasan tersebut. Tetapi sungguhpun demikian, saya rasa dari segi perkhidmatan yang diberikan oleh BSN, ia juga mestilah dipertingkatkan.

Saya tidak mahu mengikut ucapan atau saya kurang bersetuju dengan ucapan yang diberikan tadi oleh Yang Berhormat ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang memberikan gambaran bahawa semua sempurna dalam BSN. Saya rasa kita harus menyatakan apa yang sebenarnya berlaku, apakah hakikatnya dan jangan kerana hendak membodek sedikit Pengerusi BSN, kita menyatakan semuanya baik-baik belaka kerana keadaannya bukanlah sebegitu molek atau cantik yang diceritakan.

Sebagai satu contoh, bukan sahaja di luar bandar, saya rasa apabila kita gunakan kad Giro. Saya pernah mendapat banyak rungutan sungguhpun kawasan saya di kawasan bandar, tetapi di kawasan luar bandar saya pernah mendapat banyak aduan daripada orang-orang kampung yang tidak berpuas hati tentang sistem atau kad Giro yang diperkenalkan

oleh BSN di mana apabila terdapat kes-kes tetapi tidak boleh dibuktikan, di mana apabila mereka tidak berapa biasa menggunakan kad Giro, mereka mendapat nasihat daripada pegawai-pegawai BSN yang tertentu akan ditunjuk ajar, tetapi selepas itu mereka mendapati bahawa akaun bakinya sudah kurang sedikit, iaitu nampaknya ada pengeluaran yang dibuat tanpa pengetahuan mereka. Saya rasa BSN pun ada menerima beberapa aduan tersebut.

Saya rasa masalah ini bukan sahaja tertumpu atau hanya berlaku di BSN, tetapi juga di bank-bank perdagangan yang lain pun ada masalah sedemikian apabila pelanggan-pelanggan tidak berapa biasa menggunakan perkhidmatan bank yang ditawarkan, mendapatkan nasihat daripada pegawai bank, pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan. Oleh sebab itu, dalam perkara ini saya harap bahawa kerana BSN banyak beroperasi di kawasan luar bandar di mana ramai pelanggan tidak berapa fasih, tidak berapa tahu tentang urusan bank, saya harap BSN boleh memastikan bahawa tidak ada kejadian yang tidak baik ini berlaku di mana pelanggan-pelanggan apabila mendapat nasihat tertentu mendapati bahawa akaun mereka telah berkurangan.

Satu lagi sistem BSN yang saya ingin cadangkan boleh diperbaiki ialah ini secara spesifik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa telah menimbulkan sedikit kekeliruan dan silap faham di antara pihak BSN dan pelanggannya, ialah apabila seseorang hilang passbook dia, pergi ke cawangan BSN untuk mendapat passbook atau melaporkan passbook dia sudah hilang.

Biasanya, yang pertama, BSN tidak akan memberikannya satu resit tentang baki terakhir yang tercatat dalam passbooknya yang hilang. Atau kedua, kalau dia hendak menyerahkan passbooknya untuk ditukarkan kepada yang baru, kalau dia meminta satu resit dikeluarkan oleh BSN, BSN akan menulis baki dalam passbook yang akan diserahkan kepada BSN untuk ditukar kepada yang baru atau untuk urusan yang lain tetapi baki yang dituliskannya bukanlah untuk tarikh yang tercatat dalam passbook BSN tetapi mencatatkan tarikh bila passbook tersebut diserahkan kepada cawangan BSN. Ini menimbulkan masalah, Tuan Yang di-Pertua, kerana apabila passbook diserahkan, misalnya, hari ini resit dikeluarkan tentang baki ialah bertarikh hari ini tetapi sebenarnya dalam passbook bakinya adalah mungkin satu tahun sebelum itu kerana ia menunjukkan transaksi yang terakhir dan apabila seseorang menerima resit tersebut, dia anggap bahawa baki

dalam resit itu adalah baki pada tarikh hari ini, bukan satu tahun yang lepas dan ini menimbulkan banyak silap faham dan kekeliruan.

Ada satu kes di mana hampir terjadi satu pergaduhan. Saya harap perkara-perkara ini boleh diatasi oleh pihak BSN kerana sungguhpun ia bukan satu perkara yang penting, tetapi saya rasa ia boleh menjimatkan masa kalau urusan seperti ini boleh dipertingkatkan dan diatasi selain daripada menjimatkan masa wakil rakyat yang terpaksa campur tangan untuk menyelesaikan masalah sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, saya rasa sistem banking yang dipakai oleh BSN bolehlah diperbaiki. Saya harap bahawa pihak yang bertanggungjawab boleh meneliti sistem banking yang dipakai oleh bank-bank luar negara untuk melihat macam mana kita boleh menjadikannya lebih cekap, efisien dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sungguhpun BSN akan tetap di bawah kawalan secara langsung oleh Kementerian Kewangan, apakah peranan yang akan dimainkan oleh Bank Negara dalam perkara ini? Ada banyak fasal-fasal dalam Bafia yang termasuk dan terkandung dalam rang undang-undang BSN yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Apakah peranan yang akan dimainkan oleh Bank Negara kerana kita tidak mahu wujud satu keadaan di mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara tidak diikuti oleh BSN. Contohnya, apabila Bank Negara mengeluarkan arahan bahawa hanya 15% daripada pinjaman boleh dipinjam untuk tujuan membeli saham, bolehkah BSN melanggar nasihat atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara? Kalau boleh, saya rasa ia akan timbul sedikit masalah seperti memberikan gambaran bahawa BSN adalah anak emas yang mendapat layanan istimewa yang tidak diperolehi oleh bank-bank perdagangan yang lain.

Oleh sebab itu, saya harap dari segi ini apakah penyelarasan, apakah koordinasi yang boleh dibuat di antara Bank Negara dan BSN sungguhpun ia bukan di bawah kawal seliaan secara langsung Bank Negara tetapi semua garis panduan yang ditetapkan bolehlah diikuti supaya sistem urusan kewangan kita adalah konsisten atau tuntas. Dalam perkara ini saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Senai yang menyatakan Bank Negara tidak profesional dalam menjalankan tugasnya sehingga

menyebabkan BSKL turun dengan begitu mengejutkan sekali iaitu daripada 1,200 lebih mata dalam KLCI pada 27hb. Mac turun dengan kehilangan market capitalisation sebanyak RM113 bilion - penurunan sebanyak 137 mata atau kerugian market capitalisation, dengan izin, sebanyak RM113 bilion.

Ini adalah satu kejatuhan yang melebihi kejatuhan di bursa-bursa lain di rantau Asia dan oleh sebab itu saya harap perkara ini boleh mendapat perhatian oleh Bank Negara kerana kita tidak boleh nafikan bahawa sedikit sebanyak Bank Negara telah menyumbang ke atas kejatuhan ini dan juga mesti bertanggungjawab dalam segi pengurusan pengumuman garis panduan pinjaman yang boleh dibuat oleh bank yang menyebabkan BSKL turun dengan begitu mengejutkan.

Tetapi, sungguhpun saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Senai, saya harap beliau akan menyakinkan rakannya Yang Berhormat dari Rasah dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana beliau pernah menyatakan Bank Negara tidak salah. Jadi, saya rasa nampaknya Yang Berhormat dari Senai 'cakap tak serupa bikin'lah, cakap Bank Negara tidak profesional tetapi ketuanya pula cakap sangat profesional, sangat baik, semua elok dan saya tidak tahu macam mana ada perselisihan di antara Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat dari Senai yang merupakan Ketua Backbencher MCA. Mungkin kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dari Rasah telah kalah dalam pemilihan MCA sebagai Naib Presiden. Dia boleh dicabar dan dilawan dengan secara terbuka tetapi kalau dia hendak menyatakan sedemikian, saya boleh bersetuju dengan dia tetapi saya harap beliau boleh konsisten, jangan hanya ucap di sini untuk pihak mereka yang terbakar atau hampir hangus kerana kehilangan yang teruk dalam BSKL dan janganlah melepaskan batuk ditangga.....

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sila, sila.

Tuan Lim Si Cheng: Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sama ada apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat sendiri akan bersama dengan apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong? Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak faham dia punya soalanlah. Saya ingat semua orang pun tidak faham kecuali Yang Berhormat dari Senai sahaja tetapi dari segi dasar sama ada sebuah institusi kewangan profesional atau tidak itu, yes or no, sangat jelas. Dalam perkara ini kita rasa.....

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya. Saya akan bagi tetapi biarkan saya habiskan hujah saya dahulu. Kalau sesuatu institusi profesional atau tidak, itu sangat jelas. Saya rasa dalam perkara ini cara Bank Negara menangani isu pinjaman untuk tujuan pembelian saham, semua rakan-rakan saya dalam DAP termasuk Yang Berhormat dari Bagan yang ada di sini hari ini bersetuju bahawa Bank Negara tidak profesionalime. Ini amat jelas tetapi dalam perkara ini nampaknya ada perselisihan faham di antara Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat dari Senai. Yang Berhormat dari Senai menyatakan Bank Negara tidak profesional, Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Rasah cakap "itu bagus, Bank Negara bagus, apa dia buat semua elok, semua sempurna". Perselisihan! Hanya Yang Berhormat dari Senai sahaja yang cakap begitu. Sila.

Tuan Lim Si Cheng: Apa yang saya sampaikan dan bentangkan di Dewan ini adalah pendapat saya sebagai seorang "back bencher". Apa yang datang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kerajaan, jadi adalah menjadi tanggungjawab untuk saya menyampaikan pandangan saya sendiri. Itu sebab tadi saya tanya, apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat sendiri adakah semesti yang difikirkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong? Sesiapa ada pandangan sendiri. Jadi, inilah saya harap Yang Berhormat boleh terima, jangan sengaja buat tuduhan ataupun merunsingkan kepala orang ramai di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Senai, 'cakap tak serupa bikin', perkara ini adalah satu perkara dasar. Kalau ia adalah satu perkara dasar semua orang mesti ikut, kalau kita tidak setuju, kita tidak setuju di dalam. Itu cara kitalah, tentu kita ada pandangan yang berbeza tetapi kalau kita keluarkan dengan secara terbuka melawan dasar yang telah ditetapkan, hanya ada satu jalan sahaja iaitu kalau menunjukkan kita benar-benar tidak bersetuju, keluar daripada Barisan Nasional, kalau tidak keluar dari Barisan Nasional ia hanya melepaskan batuk di tangga.

Hanya main-main sahaja, bukan serius! Hanya untuk memenuhi perasaan frust pelabur-pelabur sahamnya yang terbakar di BSKL tetapi di dalam masih tetap sokong. Itu yang saya hanya hendak keluarkan kerana ada perselisihan faham di antara apa yang dia suarakan dan Naib Presiden atau bekas Naib Presiden MCA dia sendiri.

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Masih nak?

Tuan Lim Si Cheng: Terima kasih, baru-baru ini parti DAP telah menyokong usaha yang dijalankan oleh Barisan Nasional untuk mewujudkan projek MSC. Adakah parti DAP telah bersedia masuk ke Barisan Nasional? [Tepuk]

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini menunjukkan bahawa parti DAP adalah sebuah parti pembangkang yang membena. Kita bukan semata-mata membangkang dan membantah sahaja. Kalau ia adalah sesuatu perkara yang baik, kita tetap akan menyokong dan sebagai satu perkara dasar, parti DAP telah membuat keputusan untuk menyokong MSC yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungguhpun kita berada dalam - we are on opposite political fences - tetapi kalau ia adalah satu perkara nasional, kita akan sokong. Tetapi, kerana satu perkara ini kita masuk Barisan Nasional, tidak mungkin, tak boleh! Kerana ada banyak kepincangan dalam Barisan Nasional seperti amalan rasuah, ia masih belum diatasi. Bukan sahaja Menteri Besar Selangor, malah, 8 ahli Exco yang disiasat oleh BPR, bukan UMNO sahaja yang terlibat, MCA pun ada yang terlibat.

Jadi, itu saya rasa satu perkara dasar yang lebih penting. Kalau Kerajaan Barisan Nasional bersetuju menerima prinsip DAP bahawa kita mesti ada demokrasi, kita mesti memberikan peluang yang sama kepada semua rakyat Malaysia, kita mesti memberikan kebebasan. Bukan kebebasan mutlak tetapi kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk berniaga.....

Tuan Fu Ah Kiow: [Bangun]

Tuan Lim Si Cheng: Boleh beri peluang lagi?

Tuan Lim Guan Eng:dan memberikan pemilihan untuk majlis tempatan. Kita boleh mengkaji perkara ini tetapi kalau ini tidak disetujui mana boleh kita mengorbankan, menjual prinsip kita. Kita tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan? Ada dua orang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, nanti, saya akan beri. Untuk prinsip kita, Tuan Yang di-Pertua, kita rela dipenjarakan di bawah ISA dan bukan kerana satu dasar MSC kita masuk Barisan Nasional, tidak!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itu prinsip, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya, ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka selalu memainkan 'double standard'. Bila dia memberi pandangan yang dia sifatkan sendiri sebagai membina, dia kata ini demokrasi. Apabila Yang Berhormat dari Senai memberi pandangan yang membina terhadap pandangan dari pemimpin MCA dan juga selaku Timbalan Menteri Kewangan terhadap sesuatu isu, dia kata kita cuba menuduh dan memberi pandangan yang bercanggah secara terbuka dalam Parlimen ini. Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka, tidakkah ini merupakan dalam parti MCA kita mengamalkan prinsip demokrasi di mana kalau kita dapati bahawa pemimpin-pemimpin kita ada pandangan yang kita tidak bersetuju, kita berani memberi pandangan yang membina tetapi dalam parti DAP walaupun Ketua Pembangkang dari Tanjong ada pandangan yang langsung tidak boleh diterima, begitu jelas adalah salah tetapi tidak ada Yang Berhormat atau ahli-ahli dari DAP berani sebab mereka takut, oleh kerana mereka dalam parti DAP memang mengamalkan autokrasi dan takut, semua orang takut kepada Setiausahanya. *[Tepuk]*.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini menunjukkan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa MCA pandai main sandiwara politik, pandai bersandiwara. Di dalam cakap menentang tetapi akhirnya akan tetap sokong juga. Macam demonstrasi di Kulai, menentang tol, ya tentang tol buat demonstrasi tetapi akhirnya sokong juga apabila akta mengenai tol diluluskan di Parlimen semua ahli Parlimen MCA sokong, termasuk bekas Yang Berhormat dari Senai sokong, termasuk Yang Berhormat Presiden MCA sokong! Apa, lepas sokong di Parlimen di luar menentang, itulah politik 'talam dua muka' MCA yang pandai bersandiwara.

Itu yang saya hendak keluarkan tadi, bukan seperti UMNO. Kita cakap terus terang, bukan seperti UMNO. Kalau UMNO cakap itulah

dasarnya, tidak ada seorang Ahli Parlimen UMNO yang cakap Bank Negara unprofessional, saya tidak dengar seorang Ahli Parlimen cakap Bank Negara unprofessional. Sungguhpun mungkin dalam hati mereka cakap unprofessional tetapi dia tidak cakap kerana itu dasar UMNO tetapi sekarang dasar MCA saya keliru sedikit, apa dasar MCA? Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan cakap Bank Negara profesional, bagus, baik. Ketua Backbencher MCA, Yang Berhormat dari Senai cakap unprofessional. Apa sudah jadi ini?

Kalau betul-betul unprofessional, consistent - keluar dari Barisan, jangan main-main politik macam ini. Ini tidak bermakna langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun pula itu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Si Cheng: Saya minta Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak kena lagi - kenalah, tidak apa.

Tuan Lim Si Cheng: Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan 'double standard', dia kata projek MSC boleh disokong. Jadi, kalau mengikut apa yang dikatakan oleh beliau sudah tentu beliau akan masuk ke Barisan Nasional. Pandangan saya apa yang dilancarkan atau dilaksanakan oleh kerajaan kalau tidak sesuai untuk orang ramai, saya fikir adalah tanggungjawab saya untuk membuat teguran supaya keadaan itu dapat diperbaiki, bukan macam DAP bangkang - bangkang sahaja. Oleh itu, saya mintalah DAP jangan sengaja membuat satu isu 'double standard', kerana rakyat jelata sekarang sudah pandai, bukan macam dahulu - tolong jangan main 'double standard' lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak mengingatkan Yang Berhormat dari Senai, rakyat sekarang 'not senile' bukan mudah untuk ditipu. Kalau kita hendak menentang sesuatu kita menentang sampai habis, kita tidak ada jalan tengah atau jalan separuh, selepas ini kita berpatah balik, seperti perkara 'tol' sudah lulus di Parlimen, sudah sokong di Parlimen, kenakan tol, tetapi di luar dibuat demonstrasi menentang - apa ini? Serupa juga. Sudah menyokong pemilihan atau perlantikan Gabenor Bank Negara, sudah sokong dasar kewangan dan dasar yang dikeluarkan oleh Bank Negara tentang garis panduan kewangan yang baru, tetapi selepas ini selepas disokong BSKL turun

dengan menjunam sekali, kemudian dia cakap itu tidak 'profesional' - itu unprofessional. Tetapi kalau undi saya boleh jamin tetap akan sokong juga.....

Tuan Lim Si Cheng: Minta penjelasan....

Tuan Lim Guan Eng: So, mana dia consistency.....

Tuan Lim Si Cheng: Minta laluan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: So, tidak ada consistency langsung dalam perkara ini. Saya rasa kalau Yang Berhormat hendak ulang-ulang, saya rasa saya pun malas hendak layan.

Tuan Lim Si Cheng: Soalan.....
[Menyampuk]

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Hendak ulang-ulang perkara ini, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ada point yang lebih segar (fresh) sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kerana saya nampak beliau sudah pergi terlampau sempit daripada segi demokrasi, kerana dalam demokrasi kita menyokong dasar, tetapi dari segi pelaksanaan kadang-kadang ada perkara-perkara yang kita tidak setuju, misalnya dalam penswastan pementungan. Walaupun ahli-ahli MCA menyokong dasar penswastan pementungan, tetapi apabila pelaksanaan kita nampak ada sedikit kepincangan dan perkara-perkara ini dibangkitkan oleh ahli-ahli MCA. Oleh kerana kerajaan prihatin dan peka, maka kita telah mengubah caj ataupun tarif yang dikenakan kepada pementungan. Ini adalah salah satu illustration ataupun contoh yang boleh menunjukkan kepada kita bahawa kita setuju dengan dasar, tetapi dari segi pelaksanaan dan semasa pelaksanaan berjalan kita mungkin tidak setuju sedikit dengan cara pelaksanaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita tidak bersetuju dengan dasar. Kita berada dalam Barisan Nasional kerana kita menyokong dasar, bukan kita menyokong pelaksanaan ataupun cara-cara pelaksanaan sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat cuba defend dia punya bosslah! Tetapi saya ingin membetulkan sedikit bahawa perubahan dalam kadar pementungan yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat, saya rasa belum diterima lagi oleh rakyat

jelata, kerana ia belum dilaksanakan dengan penuh. Kalau dilaksanakan dengan penuh saya rasa akan timbul lagi bantahan, kerana ia masih belum diterima dengan keseluruhannya.

Dari segi dasar sistem pementungan, yang paling tidak boleh diterima oleh rakyat ialah sebelum perkhidmatan diberi, bayaran boleh dikutip, itulah satu prinsip yang tidak boleh diterima oleh rakyat. Apabila perkara ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ia diluluskan oleh semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen MCA, tetapi selepas itu [bercakap dalam bahasa Cina] - selepas itu mereka pula mengatakan itu tidak baik. Bila kita lebih awal sudah tahu, itu tidak baik, kita menentang, tetapi pulang balik hendak cuba membetulkan, sama dengan tol.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:
[Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan berikan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap. 'Tol' - adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, ada demonstrasi di Senai, demonstrasi di Kulai? Mengenai tunjuk perasaan - kerajaan cakap, tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut Universiti Malaya - haram kerana menentang pasukan sukan kriket dari Israel - ambil tindakan, tetapi di Senai tidak diambil tindakan.....

Seorang Ahli: Tol apa kenanya Yang Berhormat.....

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Kita bukan menyatakan....nanti! Nanti! Kita bukan menyatakan bahawa kerajaan perlu mengambil tindakan, tetapi apakah maknanya apabila di Parlimen diluluskan semua, sokong semua, tetapi balik ke kampung menentang, bukankah ini menunjukkan mereka main politik 'talam dua muka'.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:
[Bangun]

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Timbalan Menteri dahulu, dia lebih tinggi sedikit. [Ketawa]

Seorang Ahli: Jangan cakap macam itulah!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bangkitkan ialah dalam masalah penswastan

pembetulan, bukan sahaja anggota-anggota MCA yang tidak setuju dengan tarif, yang tidak setuju dengan cara pelaksanaan tarif, tetapi ada ahli-ahli UMNO juga yang tidak setuju, ahli-ahli Gerakan juga tidak setuju dan oleh kerana kerajaan peka dengan masalah ini, maka kita mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen, kerana kita sedar bahawa di Parlimen ini majoriti kita lebih daripada dua pertiga dan kita juga mahu supaya anggota-anggota Barisan dalam Dewan ini berfungsi sebagai pengkritik kepada kerajaan, tetapi bukan untuk menjatuhkan kerajaan.

Fungsi kedua, anggota Barisan mengkritik kerajaan untuk memperbetulkan, tetapi pembangkang mengkritik kerajaan untuk menjatuhkan kerajaan, ini sahaja bezanya. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Dia hendak memerintah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cakap terus-terang di sinilah. Parti pembangkang sekarang tidak ada kuasa atau tidak cukup kuat untuk menjatuhkan kerajaan - itu secara terus-terang. So, kalau kita hendak cakap tentang menjatuhkan kerajaan - itu tidak mungkin berlaku, tetapi kalau hendak cakap sebagai pengkritik, mengharapkan Ahli Parlimen Barisan Nasional jadi pengkritik - itu pengkritik 'celup', bukan 'tayar celup' - itu pengkritik 'celup', olok-olok punya *[Ketawa]* semua palsu, mana ada pengkritik bila kita bawakan isu rasuah yang menjahanamkan negara, Barisan Nasional semua menentang habis-habisan....

Tuan Lim Si Cheng: Boleh beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Mana ada pengkritik yang tulen. Jadi, yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah cakap bahawa boleh mengharapkan Ahli Parlimen seperti inilah menjadi pengkritik.....

Tuan Lim Si Cheng: Okay, beri - beri laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Habislah demokrasi kita.

Tuan Lim Si Cheng: Ha! Beri laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita....

Tuan Lim Si Cheng: Jangan cakap, beri peluang!

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan beri, nanti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan....

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap saya akan beri. Biarkan saya habis di sini, saya akan berikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan kata 'nanti'. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Si Cheng: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang 'tidak'.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Sekarang tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan.....

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng:pernah menyatakan bahawa kita perlukan sebuah parti pembangkang yang tulen supaya demokrasi di Malaysia boleh hidup. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui sumbangan dan peranan.....

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: yang boleh dimainkan oleh parti pembangkang seperti DAP. Beliau membuat kenyataan ini bila dua ADUN DAP dari Negeri Sembilan melompat masuk Barisan. Dia menyatakan perkara ini, tetapi kita perlukan sebuah parti pembangkang supaya kita boleh melihat kesalahan kita dan parti pembangkang boleh menunjukkan dan memberitahu kita, di mana kita salah, di mana kita pincang. Inilah peranan yang kita mainkan dan apabila kita bawa isu-isu ini - saya rasa in your heart of hearts'lah. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun boleh akui, kita dalam DAP ada memainkan peranan sebagai parti pembangkang dengan membawa isu-isu bukan sahaja terkhusus kepada satu kaum, tetapi untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Saya cakap nanti, dia boleh dengarkah? Nantilah, sabar sedikit *[Ketawa]*.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Kalau saya hendak mengharapkan pengkritik seperti ini, pengkritik yang tidak genuine, yang tidak jujur, yang tidak ikhlas, tidak bermakna. Ia tidak akan diambil kira, tidak akan diambil berat oleh pihak kerajaan. Itulah perkara pokoknya.....

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila siapa dahulu, kedua-dua ini siapa yang dahulu? Saya ingat Yang Berhormat Tuan Fu Ah

Tuan Lim Si Cheng: Adakah DAP 'cakap serupa bikin'?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya berikan kepada Yang Berhormat dari Mentakab, dia.....

Tuan Lim Si Cheng: Dia beri jalan untuk saya. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Oh! You beri jalan pada dia?

Tuan Fu Ah Kiow: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: You pass - subcontract!

Tuan Lim Si Cheng: Adakah DAP 'cakap serupa bikin'? Tadi, saya memberikan pandangan, tetapi dia cabar supaya saya tidak akan menyokong segala usul-usul yang dibawa oleh pihak kerajaan. Kalau tidak sokong - keluar Barisan Nasional. Jadi, adakah DAP 'cakap serupa bikin'? Itu satu soalan.

DAP telah membawa satu kes ke mahkamah - kes Esso oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kes ini tidak mahu lawan sampai habis, mengapa hendak tarik balik kes ini? Adakah 'cakap serupa bikin'?

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat faham istilah 'cakap serupa bikin' atau tidak? Saya rasa mungkin beliau tidak faham apa makna 'cakap serupa bikin'?

Seorang Ahli: Jawablah!

Tuan Lim Guan Eng: Mungkin saya ingin menyatakan beliau menghayatilah *[bercakap dalam bahasa Cina]*. Kalau hendak praktis what you 'preach', dengan izin, apa yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat adalah isu-isu lapuk, isu-isu yang tidak menjadi isu lagi, kerana kalau ada isu, kita dalam parti pembangkang selalu menekan kerajaan tentang amalan rasuah. Kalau parti pembangkang,

kalau saya sendiri misalannya, ada tersilap satu sen - saya sudah kena masuk penjara, tidak payah tunggu RM10 juta....

Tuan Lim Si Cheng: Tolong jawab kes Esso.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Lim Guan Eng: atau RM20 juta - tidak payah. Kerajaan tidak akan hilang peluang keemasan ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita bercakap di atas Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional, yang merayau rata ini apa hal? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Satu sen, duit Bank Negara, satu sen duit BSN pun ada!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Duit apa fasal ini, dia melilau, rata ke Pulau Pinang, merata ceruk dia pergi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya teruskan, tetapi....

Tuan Yang di-Pertua: Sila bercakap tentang BSN. Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan balik kepada BSN, tetapi Yang Berhormat patut menasihatkan rakan-rakannya jangan terpesong, kerana mereka yang terpesong dahulu....

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tolong ingat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, untuk BSN.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai BSN, seperti yang saya tanyakan tadi, tentang pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh BSN setakat ini, bolehkah saya tahu apakah pelaburan yang ada dalam akaun atau penyata kewangan BSN, khususnya dalam syarikat-syarikat di mana saham mereka tidak disiarkan atau diterbitkan dalam

BSKL? Bolehkah kita mendapat satu senarai yang lebih lanjut dan terperinci tentang saham dalam BSN?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir ialah tentang pegawai tertinggi BSN. Saya mempunyai pengalaman yang boleh dikatakan sebagai memuaskan dengan pegawai-pegawai di BSN Melaka. Saya tidak ada apa-apa aduan yang serius terhadap pegawai-pegawai tertinggi BSN Melaka, tetapi mungkin ada satu, dua kerani yang menimbulkan masalah sahaja. Tetapi kalau kita

hendakkan prestasi pengurusan yang baik, kita perlukan pemimpin yang sama-sama baik. Dalam perkara ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta sambung besok ya.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.